WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

1 Julai 2014
1 July 2014
P.U. (A) 190

PERATURAN-PERATURAN CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN 2014

GOODS AND SERVICES TAX REGULATIONS 2014

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

AKTA CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN 2014

PERATURAN-PERATURAN CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN 2014

———————

SUSUNAN PERATURAN

———————

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Peraturan

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

MASA PEMBEKALAN

3. Barang untuk kegunaan peribadi atau bukan perniagaan
4. Pemindahan tanah
5. Pembekalan perkhidmatan telekomunikasi, utiliti, dsb.
6. Barang pembekal dalam milikan penerima
7. Bayaran tahanan
8. Pembekalan perkhidmatan secara berterusan
9. Pembekalan barang dan perkhidmatan antara orang yang mempunyai kaitan
10. Pembekalan perkhidmatan jika amaun bagi balasan tidak boleh ditentukan
11. Pembekalan berhubung dengan industri pembinaan
12. Mesin atau peranti yang dikendalikan oleh syiling, dsb.
13. Pembekalan pertaruhan dan perjudian
14. Barang terpakai
15. Peruntukan am

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

BAHAGIAN III

PENDAFTARAN

Peraturan

16. Permohonan untuk mendaftar
17. Pemberitahuan pendaftaran
18. Pendaftaran cawangan dan bahagian
19. Pendaftaran kumpulan
20. Penalti pendaftaran lewat
21. Pemberitahuan ke atas perubahan butir-butir orang berdaftar

BAHAGIAN IV

INVOIS CUKAI, NOTA KREDIT DAN NOTA DEBIT

22. Kandungan invois cukai
23. Invois bil kediri
24. Dokumen yang dikeluarkan oleh pelelong atau penjual
25. Pengeluaran nota kredit dan nota debit

BAHAGIAN V

PENGAKAUNAN ATAS ASAS PEMBAYARAN

26. Tafsiran
27. Asas pembayaran
28. Syarat bagi asas pembayaran
29. Hal keadaan yang asas pembayaran tidak terpakai
30. Permulaan kuat kuasa dan tamat tempoh kelulusan
31. Pembatalan kelulusan
32. Pengakaunan cukai
33. Perubahan pada asas pengakaunan

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

BAHAGIAN VI

CUKAI INPUT DAN PENGECUALIAN SEPARA

Peraturan

34. Tafsiran
35. Pengertian tempoh yang lebih panjang
36. Cukai input yang tidak dibenarkan
37. Kaedah *de minimis*
38. Tuntutan cukai input
39. Hubung kait cukai input kepada pembekalan bercukai
40. Layanan cukai input yang dihubungkaitkan dengan pembekalan kewangan dikecualikan sebagai dihubungkaitkan dengan pembekalan bercukai
41. Ketidakpakaian bagi perniagaan tertentu
42. Layanan cukai input yang dihubungkaitkan dengan pembekalan dikecualikan bagi tanah untuk kegunaan am sebagai dihubungkaitkan dengan pembekalan bercukai
43. Pelarasan tempoh yang lebih panjang
44. Pelarasan cukai input yang terlebih dipotong disebabkan perubahan penggunaan
45. Pelarasan cukai input yang terkurang dipotong disebabkan perubahan penggunaan
46. Tuntutan luar biasa bagi cukai input
47. Cukai input yang disifatkan berhubungan dengan pembayaran tunai insurans atau takaful
48. Cukai input yang dibenarkan ke atas perolehan barang atau perkhidmatan di bawah perkiraan kewangan Islam
49. Cukai input yang dibenarkan ke atas perolehan barang atau perkhidmatan oleh pihak berkuasa tempatan atau badan berkanun

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

BAHAGIAN VII

MENDAPATKAN CUKAI INPUT TETAP

Peraturan

50. Tafsiran
51. Kelayakan bagi cukai input yang dibenarkan
52. Cukai input yang dibenarkan
53. Permulaan kuat kuasa
54. Rekod
55. Ketidakpakaian potongan cukai input bagi aset modal di bawah Bahagian VIII
56. Ketidakpakaian pelarasan tempoh yang lebih panjang, dsb.

BAHAGIAN VIII

PELARASAN KEPADA POTONGAN CUKAI INPUT BAGI ASET MODAL

57. Tafsiran
58. Tempoh pelarasan
59. Cara pelarasan
60. Pemastian penggunaan suatu aset modal untuk membuat pembekalan bercukai

BAHAGIAN IX

PENYATA DAN PEMBAYARAN

61. Cara mengemukakan penyata
62. Cara membuat perisytiharan
63. Pengemukaan penyata atau perisytiharan
64. Penyata bagi jualan dalam penyelesaian hutang
65. Pembayaran cukai, penalti atau apa-apa caj
66. Pembayaran cukai atau penalti secara ansuran
67. Masa bagi pembayaran balik
68. Cara menuntut pembayaran balik cukai
69. Pembetulan kesilapan

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

BAHAGIAN X

PELEPASAN HUTANG LAPUK

Peraturan

70. Tuntutan bagi pelepasan hutang lapuk
71. Cara menuntut pelepasan hutang lapuk
72. Cara membuat pembayaran semula
73. Keterangan dikehendaki bagi menyokong tuntutan
74. Rekod

BAHAGIAN XI

PELEPASAN BAGI BARANG TERPAKAI

75. Tafsiran
76. Pelepasan bagi barang terpakai
77. Permohonan bagi pelepasan barang terpakai
78. Perubahan, penggantungan dan pembatalan kelulusan

BAHAGIAN XII

SKIM PEMBAYARAN BALIK PELANCONG

79. Tafsiran
80. Syarat bagi pembayaran balik cukai
81. Cara menuntut pembayaran balik cukai
82. Kedai yang diluluskan
83. Ejen pembayaran balik diluluskan
84. Barang tidak layak bagi pembayaran balik
85. Kesalahan

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

BAHAGIAN XIII

USAHA SAMA

Peraturan

86. Permohonan bagi kelulusan

BAHAGIAN XIV

SKIM PEDAGANG DILULUSKAN

87. Tafsiran
88. Permohonan bagi kelulusan
89. Barang tidak layak bagi penggantungan pembayaran cukai
90. Perubahan, penggantungan dan pembatalan kelulusan

BAHAGIAN XV

SKIM PENGILANG TOL DILULUSKAN

91. Permohonan bagi kelulusan
92. Perubahan, penggantungan dan pembatalan kelulusan

BAHAGIAN XVI

SKIM TUKANG EMAS DILULUSKAN

93. Tafsiran
94. Permohonan bagi kelulusan
95. Pengeluaran invois cukai
96. Perubahan, penggantungan dan pembatalan kelulusan

BAHAGIAN XVII

SKIM KADAR RATA

97. Permohonan bagi kelulusan
98. Pengeluaran invois

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

Peraturan

99. Tambahan Kadar Rata

100. Insolvensi, kematian, kebankrapan dan ketidakupayaan orang diluluskan

101. Pembatalan kelulusan

102. Rekod

103. Pengemukaan dokumen

BAHAGIAN VIII

PASARAN MODAL

104. Pendaftaran entiti tunggal

BAHAGIAN XIX

PERKHIDMATAN ELEKTRONIK

105. Tafsiran

106. Penggunaan perkhidmatan elekronik

107. Cara menggunakan perkhidmatan elektronik

108. Penamatan penyediaan perkhidmatan elektronik kepada pengguna berdaftar

BAHAGIAN XX

EJEN CUKAI

109. Kelayakan bagi ejen cukai

110. Permohonan bagi kelulusan

111. Pembatalan kelulusan

BAHAGIAN XXI

PENTADBIRAN

112. Pejabat Cukai Barang dan Perkhidmatan

113. Waktu pejabat dan waktu pembayaran

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

BAHAGIAN XXII

PELBAGAI

Peraturan

114. Penalti am

115. Pengkompaunan kesalahan

116. Borang

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

JADUAL KETIGA

JADUAL KEEMPAT

JADUAL KELIMA

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

AKTA CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN 2014

PERATURAN-PERATURAN CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN 2014

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 177 Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 [*Akta 762*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014**.

(2) Kecuali peraturan 11 dan 12, dan Bahagian VI, VII, VIII, IX dan X, Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Julai 2014.

(3) Peraturan-Peraturan 11 dan 12, dan Bahagian VI, VII, VIII, IX dan X mula berkuat kuasa pada 1 April 2015.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini—

"pecahan cukai" ertinya pecahan cukai yang dikira mengikut formula yang berikut:

$$\frac{X}{1 + X}$$

Iaitu X adalah kadar cukai;

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

"Pusat Pemprosesan CBP" ertinya pejabat Kastam yang ditetapkan bagi maksud menerima—

(a) permohonan bagi pendaftaran; atau

(b) penyata dan pembayaran cukai, penalti, surcaj dan apa-apa wang lain yang kena dibayar di bawah Akta;

"tahun cukai", berhubung dengan seorang orang kena cukai, ertinya—

(a) tempoh pertama dua belas bulan kalendar atau apa-apa tempoh selain daripada dua belas bulan kalendar sebagaimana yang boleh diluluskan atau diarahkan oleh Ketua Pengarah bermula pada tarikh kuat kuasa pendaftaran yang ditentukan mengikut Akta ini atau pada tarikh dia sepatutnya berdaftar; dan

(b) apa-apa tempoh dua belas bulan kalendar berikutnya atau apa-apa tempoh selain daripada dua belas bulan sebagaimana yang boleh diluluskan atau diarahkan oleh Ketua Pengarah bermula pada hari berikutnya selepas berakhir tahun cukai pertamanya, atau mana-mana tahun cukai seterusnya; atau

(c) jika pendaftarannya telah dibatalkan, apa-apa tempoh yang berikutnya bermula pada hari berikutnya selepas berakhir tahun cukai pertamanya atau apa-apa tahun cukai berikutnya yang berakhir pada tarikh pembatalan itu berkuat kuasa.

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

BAHAGIAN II

MASA PEMBEKALAN

Barang untuk kegunaan peribadi atau bukan perniagaan

3. Jika perkhidmatan yang disebut dalam subperenggan 5(3) Jadual Pertama kepada Akta dibekalkan bagi suatu tempoh masa, perkhidmatan itu hendaklah dikira sebagai telah dibekalkan pada hari terakhir tempoh bercukai pembekal tersebut, atau bagi setiap tempoh bercukai tersebut, yang barang itu digunakan atau disediakan untuk kegunaan.

Pemindahan tanah

4. Jika terdapat suatu pembekalan barang berhubung dengan pemindahan tanah yang dirujuk dalam subperenggan 2(1) Jadual Pertama kepada Akta dan keseluruhan atau sebahagian daripada balasan bagi pemindahan tanah itu kena dibayar secara berkala, atau dari semasa ke semasa, barang itu hendaklah dikira sebagai dibekalkan secara berasingan dan berturutan pada masa sebahagian daripada balasan diterima atau invois cukai yang berhubungan dengan pemindahan tanah itu dikeluarkan mengikut yang mana-mana terdahulu.

Pembekalan perkhidmatan telekomunikasi, utiliti, dsb.

5. (1) Tertakluk kepada subperaturan (2), suatu pembekalan perkhidmatan telekomunikasi, gas, air, penyejukan, penyaman udara, pengalihan udara, petroleum atau produk petroleum melalui saluran paip dan apa-apa bentuk kuasa termasuk elektrik, hendaklah dikira sebagai berlaku apabila suatu pembayaran berkenaan dengan pembekalan itu diterima atau suatu invois cukai yang berhubungan dengan pembekalan itu telah dikeluarkan oleh pembekal, mengikut yang mana-mana terdahulu.

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(2) Jika keseluruhan atau sebahagian daripada balasan bagi suatu pembekalan yang dirujuk dalam subperaturan (1) telah ditentukan atau kena dibayar secara berkala atau dari semasa ke semasa, barang atau perkhidmatan itu hendaklah dikira sebagai telah dibekalkan secara berasingan dan berturutan pada masa yang lebih awal daripada masa yang berikut:

(a) apabila sebahagian daripada balasan itu diterima; atau

(b) apabila pembekal mengeluarkan suatu invois cukai yang berhubungan dengan pembekalan itu.

Barang pembekal dalam milikan penerima

6. (1) Jika barang dibekalkan di bawah suatu perjanjian yang pembekal menyimpan barang itu sehingga barang itu atau sebahagian daripadanya diuntukkan di bawah perjanjian oleh penerima dan dalam hal keadaan jika keseluruhan atau sebahagian daripada balasan telah ditentukan pada masa itu, pembekalan barang itu hendaklah dikira sebagai berlaku pada tarikh yang lebih awal daripada tarikh yang berikut:

(a) tarikh diuntukkan oleh penerima;

(b) tarikh apabila suatu invois cukai atau invois bil kediri dikeluarkan; atau

(c) tarikh apabila suatu pembayaran diterima oleh pembekal itu.

(2) Jika, dalam tempoh dua puluh satu hari selepas barang atau sebahagian daripadanya diuntukkan oleh penerima sebagaimana yang disebut dalam subperaturan (1), pembekal mengeluarkan suatu invois cukai berkenaan dengan barang yang diuntukkan atau suatu invois bil kediri dikeluarkan oleh penerima, masa pembekalan hendaklah dikira sebagai berlaku pada masa invois atau invois bil kediri dikeluarkan.

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(3) Subperaturan (1) tidak terpakai kepada suatu pembekalan yang disebut dalam perenggan 11(2)*(c)* Akta.

Bayaran tahanan

7. Jika apa-apa kontrak bagi pembekalan barang atau perkhidmatan memperuntukkan bagi penahanan apa-apa bahagian balasan oleh seseorang sementara menunggu perlaksanaan kontrak itu secara sepenuhnya dan memuaskan, atau apa-apa bahagiannya, oleh pembekal, suatu pembekalan hendaklah dikira sebagai berlaku apabila suatu pembayaran diterima berkenaan dengannya atau suatu invois cukai dikeluarkan oleh pembekal, mengikut yang mana-mana terdahulu.

Pembekalan perkhidmatan secara berterusan

8. Jika perkhidmatan dibekalkan bagi suatu tempoh yang berterusan untuk suatu balasan yang keseluruhan atau sebahagiannya ditentukan atau kena dibayar secara berkala atau dari semasa ke semasa, perkhidmatan itu hendaklah dikira sebagai dibekalkan secara berasingan dan berturutan pada masa yang lebih awal daripada masa yang berikut:

(a) apabila suatu pembayaran berkenaan dengan pembekalan itu diterima; atau

(b) apabila pembekal mengeluarkan suatu invois cukai yang berhubungan dengan pembekalan itu.

Pembekalan barang dan perkhidmatan antara orang yang mempunyai kaitan

9. (1) Peraturan ini terpakai berhubung dengan pembekalan yang disebut dalam peraturan 4, 5, 8 atau 10 jika pembekalan itu dibuat dalam hal keadaan yang berikut:

(a) orang yang membuat pembekalan mempunyai kaitan dengan orang yang kepadanya pembekalan dibuat; dan

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(b) orang yang kepadanya pembekalan itu dibuat tidak berhak kepada kredit di bawah seksyen 38 Akta bagi keseluruhan atau mana-mana bahagian cukai ke atas pembekalan itu.

(2) Bagi maksud subperaturan (1), apa-apa persoalan sama ada seseorang mempunyai kaitan antara satu sama lain hendaklah ditentukan mengikut perenggan 2 Jadual Ketiga kepada Akta.

(3) Jika peraturan ini terpakai, barang atau perkhidmatan hendaklah, setakat yang ia belum dikira sebagai dibekalkan menurut peraturan yang ditetapkan dalam subperaturan (1) dan setakat yang ia telah disediakan, dikira sebagai dibekalkan secara berasingan dan berturutan pada akhir tempoh tiga bulan selepas pembekalan itu bermula dan selepas itu pada akhir setiap tempoh tiga bulan berikutnya.

(4) Jika peraturan ini terpakai, peraturan 4, 5, 8 atau 10 tidak terpakai setakat yang pembekalan itu telah dikira sebagai telah berlaku di bawah peraturan ini.

Pembekalan perkhidmatan jika amaun bagi balasan tidak boleh ditentukan

10. Jika keseluruhan amaun balasan bagi suatu pembekalan perkhidmatan tidak boleh ditentukan pada masa perkhidmatan itu dilaksanakan dan kemudiannya penggunaan manfaat perkhidmatan itu oleh seseorang selain daripada pembekal menimbulkan apa-apa pembayaran balasan bagi pembekalan itu yang—

(a) keseluruhan atau sebahagiannya ditentukan atau kena dibayar secara berkala atau dari semasa ke semasa atau pada akhir apa-apa tempoh;

(b) tambahan kepada amaun itu, jika ada, telah kena dibayar bagi pembekalan itu; dan

(c) bukan suatu pembayaran yang baginya peraturan 8 terpakai,

suatu pembekalan selanjutnya hendaklah dikira sebagai berlaku setiap kali suatu pembayaran yang berkaitan dengan penggunaan manfaat perkhidmatan itu diterima

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

atau suatu invois cukai dikeluarkan oleh pembekal, mengikut yang mana-mana terdahulu.

Pembekalan berhubung dengan industri pembinaan

11. Jika barang atau perkhidmatan dibekalkan dalam penjalanan pembinaan, pengubahan, perobohan, pembaikan atau penyenggaraan suatu bangunan atau apa-apa kerja kejuruteraan di bawah suatu kontrak yang memperuntukkan pembayaran bagi pembekalan tersebut dibuat secara berkala atau dari semasa ke semasa,—

(a) dalam hal jika suatu sijil berhubung dengan apa-apa kerja yang telah siap tidak dikehendaki menurut kontrak tersebut, suatu pembekalan hendaklah dikira sebagai berlaku pada masa yang lebih awal daripada masa yang berikut:

(i) apabila suatu pembayaran telah diterima oleh pembekal jika balasan bagi kontrak itu adalah keseluruhannya dalam bentuk wang; atau

(ii) apabila pembekal mengeluarkan suatu invois cukai.

(b) dalam hal jika suatu sijil berhubung dengan apa-apa kerja yang telah siap dikehendaki menurut kontrak tersebut, suatu pembekalan hendaklah dikira sebagai berlaku pada masa yang lebih awal daripada masa yang berikut:

(i) apabila sijil itu dikeluarkan;

(ii) apabila pembekal mengeluarkan suatu invois cukai; atau

(iii) apabila suatu pembayaran diterima oleh pembekal; atau

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(c) walau apa pun perenggan *(b)*, jika suatu invois cukai dikeluarkan dalam tempoh dua puluh satu hari daripada tarikh pengeluaran sijil berhubung dengan apa-apa kerja yang telah siap dan tiada pembayaran diterima sebelum sijil itu dikeluarkan, masa pembekalan hendaklah dikira sebagai tarikh pengeluaran invois cukai itu.

Mesin atau peranti yang dikendalikan oleh syiling, token, dsb.

12. Pembekalan yang dibuat daripada apa-apa mesin atau peranti yang dikendalikan menggunakan syiling, token dan yang seumpamanya hendaklah dikira sebagai berlaku apabila pemungutan dikeluarkan daripada mesin atau peranti tersebut.

Pembekalan pertaruhan dan perjudian

13. Jika suatu pembekalan perkhidmatan bercukai dibuat oleh seorang yang dilesenkan di bawah apa-apa undang-undang bertulis melibatkan pertaruhan, ambil tagan, loteri, mesin perjudian atau permainan mengadu nasib, pembekalan hendaklah dikira sebagai berlaku pada masa yang berikut:

(a) jika terdapat suatu pembekalan perkhidmatan yang melibatkan ramalan nombor, loteri dan suatu permainan mengadu nasib, masa pembekalan hendaklah pada masa nombor itu dicabut;

(b) jika terdapat suatu pembekalan perkhidmatan yang melibatkan ambil tagan, masa pembekalan hendaklah pada masa perlumbaan diadakan;

(c) jika terdapat suatu pembekalan perkhidmatan oleh mesin perjudian, masa pembekalan hendaklah pada masa pemungutan dikeluarkan daripada mesin itu atau pada masa transaksi direkodkan oleh mesin itu; atau

(d) jika terdapat suatu pembekalan perkhidmatan yang melibatkan pertaruhan kasino, masa pembekalan hendaklah pada hari terakhir tempoh bercukai yang pembekalan itu berlaku.

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

Barang terpakai

14. Jika barang adalah layak bagi pengurangan cukai yang dikenakan ke atas apa-apa pembekalan di bawah seksyen 59 Akta, pembekalan barang itu hendaklah dikira sebagai berlaku pada masa yang lebih awal daripada masa yang berikut:

(a) apabila barang itu dialihkan atau tersedia;

(b) apabila suatu invois dikeluarkan oleh pembekal; atau

(c) apabila pembayaran diterima oleh pembekal.

Peruntukan am

15. Jika di bawah Bahagian ini suatu pembekalan dikira sebagai berlaku apabila suatu invois cukai dikeluarkan oleh pembekal atau apabila apa-apa pembayaran diterima, cukai ke atas pembekalan itu hendaklah dikenakan hanya setakat yang diliputi oleh invois atau pembayaran itu.

BAHAGIAN III

PENDAFTARAN

Permohonan untuk mendaftar

16. (1) Mana-mana orang yang bertanggungan untuk berdaftar atau yang secara sukarela memohon untuk didaftarkan di bawah Bahagian IV Akta hendaklah memohon dalam Borang GST-01.

(2) Tiap-tiap permohonan untuk pendaftaran di bawah subperaturan (1) hendaklah dikemukakan kepada mana-mana pegawai cukai barang dan perkhidmatan di Pusat Pemprosesan CBP.

(3) Tiap-tiap permohonan bagi maksud pendaftaran di bawah subperaturan (1) hendaklah dibuat oleh seorang yang diberi kuasa.

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

Pemberitahuan pendaftaran

17. Mana-mana orang yang diluluskan untuk pendaftaran hendaklah diberitahu dan diberikan dengan suatu nombor pengenalan.

Pendaftaran cawangan dan bahagian

18. Jika apa-apa perniagaan orang kena cukai dijalankan oleh satu atau lebih cawangan atau bahagian, orang kena cukai itu boleh memohon kepada Ketua Pengarah dalam Borang GST-05 untuk mana-mana cawangan atau bahagian didaftarkan atas nama cawangan atau bahagian itu.

Pendaftaran kumpulan

19. (1) Syarikat adalah layak untuk dikira sebagai anggota suatu kumpulan jika syarikat itu memenuhi syarat-syarat yang berikut:

(a) suatu syarikat mengawal setiap syarikat yang lain atau mana-mana individu atau individu-individu yang menjalankan perniagaan perkongsian mengawal semua syarikat tersebut;

(b) setiap syarikat berdaftar di bawah Akta dan membuat pembekalan bercukai secara keseluruhan; dan

(c) syarikat itu tidak dikira sebagai anggota kumpulan lain.

(2) Mana-mana syarikat yang di bawah kawalan suatu syarikat yang berada di negara lain selain Malaysia layak untuk dikira sebagai anggota suatu kumpulan jika syarikat itu memenuhi syarat-syarat yang berikut:

(a) syarikat itu berdaftar di bawah Akta dan membuat pembekalan bercukai secara keseluruhannya; dan

(b) syarikat itu tidak dikira sebagai anggota kumpulan lain.

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(3) Bagi maksud subperaturan (1) dan (2), suatu syarikat atau seorang individu atau individu-individu yang menjalankan perniagaan perkongsian hendaklah dikira sebagai mengawal suatu syarikat jika syarikat atau individu itu memegang, secara langsung, secara tidak langsung melalui syarikat subsidiari atau bersama-sama secara langsung dan secara tidak langsung melalui syarikat subsidiari, lebih daripada lima puluh peratus modal saham yang diterbitkan, tidak termasuk apa-apa bahagiannya yang terdiri daripada saham keutamaan, syarikat yang kedua disebut.

(4) Bagi maksud subperaturan (3), saham dikira sebagai tidak dipegang jika saham itu dipegang—

(a) di bawah kuasa fidusiari; atau

(b) menurut kuasa peruntukan pegangan debentur, surat ikatan amanah bagi menjamin debentur atau perniagaan pinjaman wang.

(5) Jika dua atau lebih syarikat adalah layak untuk dikira sebagai anggota suatu kumpulan di bawah seksyen 27 Akta, syarikat itu boleh memohon dalam Borang GST- 02 kepada Ketua Pengarah untuk dikira sebagai anggota suatu kumpulan.

(6) Jika Ketua Pengarah meluluskan dua atau lebih syarikat untuk dikira sebagai anggota suatu kumpulan, suatu permohonan oleh anggota wakil hendaklah dibuat kepada mana-mana pegawai cukai barang dan perkhidmatan dalam bentuk dan mengikut cara yang ditentukan oleh Ketua Pengarah—

(a) bagi mana-mana syarikat tambahan yang layak untuk dikira sedemikian;

(b) bagi suatu syarikat untuk dikeluarkan daripada menjadi anggota kumpulan itu;

(c) bagi anggota lain kumpulan itu yang akan digantikan sebagai anggota wakil; atau

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(d) bagi pembatalan pendaftaran kumpulan jika semua syarikat terhenti untuk dikira sebagai anggota suatu kumpulan.

(7) Suatu permohonan di bawah subperaturan (5) hendaklah dibuat tidak kurang daripada sembilan puluh hari sebelum tarikh ia mula berkuat kuasa, atau apa-apa masa yang terkemudian sebagaimana yang dibenarkan oleh Ketua Pengarah.

(8) Suatu permohonan di bawah subperaturan (6) hendaklah dibuat tidak kurang daripada tiga puluh hari sebelum tarikh ia mula berkuat kuasa.

(9) Ketua Pengarah boleh, melalui notis bertulis, membatalkan pendaftaran suatu kumpulan atau menamatkan layanan suatu syarikat sebagai anggota suatu kumpulan mulai daripada tarikh yang dinyatakan dalam notis itu jika dia berpuas hati bahawa kumpulan atau syarikat itu telah—

(a) pada bila-bila masa terhenti daripada memenuhi apa-apa kehendak bagi kelayakan di bawah subperaturan (1);

(b) gagal untuk mematuhi mana-mana syarat yang telah dikenakan oleh Ketua Pengarah di bawah subseksyen 27(3) Akta; atau

(c) mengemukakan apa-apa perisytiharan atau maklumat yang palsu, mengelirukan atau tidak tepat dalam permohonannya di bawah subperaturan (5) atau (6).

(10) Suatu syarikat hendaklah disifatkan sebagai suatu subsidiari kepada suatu syarikat lain jika syarikat yang lain itu memegang lebih daripada lima puluh peratus modal saham yang diterbitkan oleh syarikat yang mula-mula disebut itu tidak termasuk saham keutamaan dan saham yang dipegang dalam hal keadaan yang disebut dalam subperaturan (4).

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

Penalti pendaftaran lewat

20. Mana-mana orang yang kena cukai yang gagal memohon untuk didaftarkan dalam tempoh yang disebut dalam subseksyen 21(1) atau (3) Akta hendaklah bertanggungan untuk membayar penalti pendaftaran lewat sebanyak—

(a) satu ribu lima ratus ringgit jika tempoh pendaftaran lewat adalah dalam masa tiga puluh hari;

(b) tiga ribu ringgit jika tempoh pendaftaran lewat melebihi tiga puluh hari tetapi tidak melebihi enam puluh hari;

(c) empat ribu lima ratus ringgit jika tempoh pendaftaran lewat melebihi enam puluh hari tetapi tidak melebihi sembilan puluh hari;

(d) enam ribu ringgit jika tempoh pendaftaran lewat melebihi sembilan puluh hari tetapi tidak melebihi satu ratus dua puluh hari;

(e) tujuh ribu lima ratus ringgit jika tempoh pendaftaran lewat melebihi satu ratus dua puluh hari tetapi tidak melebihi satu ratus lima puluh hari;

(f) sembilan ribu ringgit jika tempoh pendaftaran lewat melebihi satu ratus lima puluh hari tetapi tidak melebihi satu ratus lapan puluh hari;

(g) sepuluh ribu lima ratus ringgit jika tempoh pendaftaran lewat melebihi satu ratus lapan puluh hari tetapi tidak melebihi dua ratus sepuluh hari;

(h) dua belas ribu ringgit jika tempoh pendaftaran lewat melebihi dua ratus sepuluh hari tetapi tidak melebihi dua ratus empat puluh hari;

(i) tiga belas ribu lima ratus ringgit jika tempoh pendaftaran lewat melebihi dua ratus empat puluh hari tetapi tidak melebihi dua ratus tujuh puluh hari;

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(j) lima belas ribu ringgit jika tempoh pendaftaran lewat melebihi dua ratus tujuh puluh hari tetapi tidak melebihi tiga ratus hari;

(k) enam belas ribu lima ratus ringgit jika tempoh pendaftaran lewat melebihi tiga ratus hari tetapi tidak melebihi tiga ratus tiga puluh hari;

(l) lapan belas ribu ringgit jika tempoh pendaftaran lewat melebihi tiga ratus tiga puluh hari tetapi tidak melebihi tiga ratus enam puluh hari; atau

(m) dua puluh ribu ringgit jika tempoh pendaftaran lewat melebihi tiga ratus enam puluh hari.

Pemberitahuan ke atas perubahan butir-butir orang berdaftar

21. (1) Mana-mana orang berdaftar hendaklah dengan serta-merta memberitahu pegawai cukai barang dan perkhidmatan secara bertulis apabila—

(a) terdapat apa-apa perubahan pada nama perniagaan itu;

(b) terdapat apa-apa perubahan pada alamat mana-mana tempat perniagaan itu;

(c) terdapat apa-apa perubahan pada anggota dalam perkongsian itu;

(d) terdapat apa-apa perubahan pada status perniagaan itu;

(e) mana-mana orang mengambil alih apa-apa perniagaan yang dipindahkan sebagai suatu usaha berterusan di bawah Akta; atau

(f) terdapat apa-apa perubahan pada jenis perniagaan itu.

(2) Pegawai cukai barang dan perkhidmatan hendaklah merekodkan perubahan yang diberitahu itu.

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(3) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan.

BAHAGIAN IV

INVOIS CUKAI, NOTA KREDIT DAN NOTA DEBIT

Kandungan invois cukai

22. Seorang orang berdaftar yang mengeluarkan suatu invois cukai hendaklah menyatakan ke atasnya butir-butir yang berikut:

(a) perkataan "invois cukai" di suatu tempat yang mudah dilihat;

(b) nombor siri invois cukai;

(c) tarikh invois cukai;

(d) nama, alamat dan nombor pengenalan pembekal;

(e) nama dan alamat orang yang kepadanya barang atau perkhidmatan itu dibekalkan;

(f) suatu perihalan yang mencukupi untuk mengenal pasti barang atau perkhidmatan yang dibekalkan;

(g) bagi setiap perihalan, bezakan jenis pembekalan bagi yang berkadar standard, berkadar sifar dan dikecualikan, kuantiti barang atau takat perkhidmatan dan amaun yang kena dibayar, tidak termasuk cukai;

(h) apa-apa diskaun yang ditawarkan;

(i) jumlah amaun yang kena dibayar tidak termasuk cukai, kadar cukai dan jumlah cukai yang dikenakan ditunjukkan sebagai suatu amaun yang berasingan;

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(j) jumlah amaun yang kena dibayar termasuk jumlah cukai yang dikenakan; dan

(k) apa-apa amaun yang disebut dalam perenggan *(i)* dan *(j)* yang dinyatakan dalam mata wang selain ringgit hendaklah juga dinyatakan dalam ringgit mengikut perenggan 5 Jadual Ketiga kepada Akta.

Invois bil kediri

23. (1) Seorang penerima yang telah diluluskan oleh Ketua Pengarah untuk mengeluarkan suatu invois bil kediri hendaklah menyatakan ke atasnya butir-butir yang berikut:

(a) nama, alamat dan nombor pengenalan pembekal dan penerima;

(b) perkataan "invois bil kediri" di tempat yang mudah dilihat;

(c) nombor siri invois;

(d) tarikh invois;

(e) nombor rujukan kelulusan Ketua Pengarah;

(f) suatu perihalan yang mencukupi untuk mengenal pasti barang atau perkhidmatan yang dibekalkan;

(g) untuk setiap perihalan, bezakan jenis pembekalan bagi yang berkadar standard, berkadar sifar dan dikecualikan, kuantiti barang atau takat perkhidmatan dan amaun yang kena dibayar, tidak termasuk cukai;

(h) apa-apa diskaun yang ditawarkan;

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(i) jumlah amaun yang kena dibayar tidak termasuk cukai, kadar cukai dan jumlah cukai yang dikenakan ditunjukkan sebagai suatu amaun yang berasingan;

(j) jumlah amaun yang kena dibayar termasuk jumlah cukai yang dikenakan; dan

(k) apa-apa amaun yang disebut dalam perenggan *(i)* dan *(j)* yang dinyatakan dalam mata wang selain ringgit hendaklah juga dinyatakan dalam ringgit mengikut perenggan 5 Jadual Ketiga kepada Akta.

(2) Mana-mana penerima yang diluluskan oleh Ketua Pengarah untuk mengeluarkan invois bil kediri yang dikira sebagai suatu invois cukai di bawah subseksyen 33(5) Akta hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

(a) penerima dibenarkan untuk mengeluarkan invois bil kediri berkenaan dengan bekalan pembekal bagi suatu tempoh yang tidak lewat daripada—

(i) tamatnya tempoh dua belas bulan daripada tarikh kuat kuasa kelulusan oleh Ketua Pengarah; atau

(ii) tamatnya tempoh kontrak antara penerima dan pembekal untuk pembekalan barang dan perkhidmatan yang berhubungan dengan perjanjian bil kediri;

(b) satu salinan apa-apa invois bil kediri hendaklah diberikan kepada pembekal dan satu salinan yang lain hendaklah disimpan oleh penerima; dan

(c) pembekal dan penerima hendaklah memberitahu satu sama lain jika salah seorang daripada mereka terhenti dari boleh

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

didaftarkan, memindah perniagaannya sebagai usaha berterusan atau berdaftar di bawah nombor pengenalan baharu.

Dokumen yang dikeluarkan oleh pelelong atau penjual

24. Dokumen yang dikeluarkan oleh pelelong atau orang yang menjual barang di bawah subseksyen 33(8) Akta hendaklah mengandungi butir yang berikut:

(a) nama, alamat dan nombor pendaftaran perniagaan pelelong atau orang yang menjual barang itu;

(b) nombor pengenalan pelelong atau orang yang menjual barang itu, jika ada;

(c) nama dan alamat orang yang kepadanya barang itu dibekalkan;

(d) nombor siri dokumen;

(e) tarikh dokumen;

(f) perihalan yang mencukupi untuk mengenal pasti barang yang dibekalkan;

(g) amaun keseluruhan yang kena dibayar termasuk cukai;

(h) kadar cukai;

(i) jumlah cukai yang kena dibayar; dan

(j) perkataan "Harga yang kena dibayar termasuk GST".

Pengeluaran nota kredit dan nota debit

25. (1) Seseorang yang membuat atau menerima suatu pembekalan hendaklah mengeluarkan suatu nota kredit atau nota debit jika, selepas penyata untuk pembekalan

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

itu telah dikemukakan kepada Ketua Pengarah, terdapat perubahan pada balasan bagi pembekalan itu—

(a) disebabkan perubahan pada kadar cukai yang berkuat kuasa di bawah seksyen 10 Akta atau perubahan pada perihalan pembekalan berkadar sifar atau pembekalan dikecualikan di bawah seksyen 17 atau 18 Akta, mengikut mana-mana yang berkenaan; atau

(b) disebabkan apa-apa pelarasan dalam penjalanan perniagaan.

(2) Jika perubahan itu adalah berhubungan dengan perenggan (1*)(a)*, seseorang yang membuat atau menerima pembekalan itu hendaklah membuat pelarasan dalam penyata untuk tempoh bercukai yang perubahan pada kadar atau perihalan itu berlaku.

(3) Jika perubahan itu adalah berhubungan dengan perenggan (1*)(b)*—

(a) dalam hal orang kena cukai, orang yang membuat atau menerima pembekalan hendaklah membuat pelarasan dalam penyata bagi tempoh bercukai yang nota kredit atau nota debit itu dikeluarkan atau diterima; atau

(b) dalam hal orang yang telah terhenti menjadi orang kena cukai, orang yang membuat atau menerima pembekalan hendaklah membuat pelarasan dalam penyata bagi tempoh bercukai terakhir yang dalam tempoh tersebut dia didaftarkan.

(4) Suatu nota kredit atau nota debit hendaklah mengandungi butir yang berikut:

(a) perkataan “nota kredit” atau “nota debit” di tempat yang mudah dilihat;

Copyright of the Attorney General’s Chambers of Malaysia

(b) nombor siri dan tarikh dikeluarkan;

(c) nama, alamat dan nombor pengenalan pembekal;

(d) nama dan alamat orang yang kepadanya barang atau perkhidmatan dibekalkan;

(e) sebab ia dikeluarkan;

(f) suatu perihalan yang mengenal pasti pembekalan barang atau perkhidmatan;

(g) kuantiti dan amaun bagi setiap pembekalan;

(h) jumlah amaun tidak termasuk cukai;

(i) kadar dan amaun cukai; dan

(j) nombor dan tarikh invois cukai asal.

(5) Mana-mana orang yang melanggar peraturan ini melakukan suatu kesalahan.

BAHAGIAN V

PENGAKAUNAN ATAS ASAS PEMBAYARAN

Tafsiran

26. Dalam Bahagian ini—

"asas invois" ertinya suatu asas yang seorang orang kena cukai hendaklah mengakaunkan cukai mengikut masa pembekalan di bawah seksyen 11, 13, 70, 72 dan 73 Akta;

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

"orang diluluskan" ertinya mana-mana orang berdaftar yang telah diluluskan oleh Ketua Pengarah untuk mengakaunkan cukai atas asas pembayaran mengikut subseksyen 37(2) Akta.

Asas pembayaran

27. (1) Mana-mana orang diluluskan hendaklah mengakaunkan cukai atas asas pembayaran dengan menggunakan suatu pecahan cukai,—

(a) berhubung dengan cukai output, pada tarikh pembayaran atau balasan lain diterima; dan

(b) berhubung dengan cukai input, pada tarikh pembayaran dibuat atau balasan lain diberikan.

(2) Mana-mana orang yang melanggar peraturan ini melakukan suatu kesalahan.

Syarat bagi asas pembayaran

28. Seorang orang berdaftar adalah layak untuk mengakaunkan cukai atas asas pembayaran jika Ketua Pengarah berpuas hati bahawa, disebabkan sifat perniagaan dan sistem pengakaunan yang digunakan oleh orang berdaftar itu, adalah wajar bagi orang itu mengakaunkan cukai yang kena dibayar atas asas pembayaran:

Dengan syarat—

(a) dia telah mengemukakan semua penyata yang dia dikehendaki untuk mengemukakannya di bawah Akta dan telah membayar kepada Ketua Pengarah semua jumlah yang ditunjukkan sebagai kena dibayar dalam penyata itu dan bagi apa-apa taksiran yang dibuat di bawah seksyen 43 Akta; dan

(b) dia tidak pernah, dalam masa tiga tahun sebelum tarikh permohonannya bagi kelulusan itu,—

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(i) disabitkan dengan apa-apa kesalahan di bawah Akta, Akta Kastam 1967 [*Akta 235*] atau Akta Eksais 1976 [*Akta 176*];

(ii) menerima apa-apa tawaran kompaun di bawah Akta, Akta Kastam 1967 atau Akta Eksais 1976; atau

(iii) mempunyai apa-apa kelulusan yang diberikan kepadanya dibatalkan di bawah subseksyen 37(5) Akta.

Hal keadaan yang asas pembayaran tidak terpakai

29. (1) Mana-mana orang diluluskan hendaklah mengakaunkan cukai atas asas invois ke atas apa-apa pembekalan barang atau perkhidmatan—

(a) yang dibuat di bawah apa-apa perjanjian pajakan, sewa beli atau jualan kredit jika hak milik itu akan berpindah pada suatu hadapan;

(b) jika suatu invois cukai dikeluarkan dan pembayaran penuh amaun yang ditunjukkan dalam invois tidak kena dibayar bagi tempoh melebihi enam bulan dari tarikh invois dikeluarkan;

(c) yang berkenaan dengannya suatu invois cukai dikeluarkan lebih awal bagi penghantaran atau penyediaan barang atau pelaksanaan perkhidmatan, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Perenggan (1)*(c)* tidak terpakai jika barang telah dihantar atau tersedia sebahagiannya atau jika perkhidmatan telah dilaksanakan sebahagiannya dan invois cukai yang berkenaan adalah berhubung dengan bahagian barang yang dihantar atau tersedia atau bahagian perkhidmatan yang dilaksanakan itu sahaja.

(3) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan.

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

Permulaan kuat kuasa dan tamat tempoh kelulusan

30. (1) Suatu kelulusan untuk mengakaunkan cukai atas asas pembayaran berkuat kuasa daripada tarikh yang dinyatakan dalam kelulusan itu.

(2) Kelulusan yang diberikan hendaklah sah bagi tempoh tiga tahun dan Ketua Pengarah boleh melanjutkan tempoh yang berhubungan dengan kelulusan itu.

(3) Jika tempoh yang disebut dalam subperaturan (2) tamat, orang diluluskan boleh meneruskan untuk mengakaunkan cukai atas asas pembayaran bagi pembekalan yang dibuat dan diterima semasa tempoh yang disebut dalam subperaturan (2), tetapi hendaklah selainnya mengakaunkan dan membayar cukai sebagaimana diperuntukkan di bawah subseksyen 37(1) Akta.

Pembatalan kelulusan

31. (1) Ketua Pengarah boleh, melalui notis secara bertulis membatalkan suatu kelulusan yang telah diberikan di bawah subseksyen 37(2) Akta dalam keadaan-keadaan berikut:

(a) jika orang diluluskan telah—

(i) menukar sifat perniagaannya;

(ii) memohon untuk mengakaunkan cukainya mengikut subseksyen 37(1) Akta;

(iii) menuntut cukai input bukan atas asas pembayaran; atau

(iv) mengemukakan apa-apa perisytiharan atau maklumat yang palsu, mengelirukan atau tidak tepat dalam permohonannya untuk kelulusan di bawah subseksyen 37(2) Akta; atau

(b) jika dia berpuas hati bahawa ia adalah perlu bagi perlindungan hasil.

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(2) Seorang yang kelulusannya telah dibatalkan di bawah subperaturan (1) hendaklah, tidak lewat daripada tiga puluh hari daripada tarikh pembatalan, mengemukakan penyata yang mengakaunkan dan membayar cukai yang kena dibayar ke atas semua pembekalan yang dibuat dan diterima yang belum ditolak atau diakaunkan berkenaan dengan tempoh yang diluluskan untuk pengakaunan cukai atas asas pembayaran.

(3) Mana-mana orang melanggar subperaturan (2) melakukan suatu kesalahan.

Pengakaunan cukai

32. (1) Cukai hendaklah diakaunkan dan dibayar kepada Ketua Pengarah selewat-lewatnya pada tarikh genap masanya yang ditentukan bagi tempoh bercukai yang pembayaran atau balasan lain bagi pembekalan itu diterima.

(2) Cukai input boleh dikreditkan sama ada dalam suatu tempoh bercukai yang pembayaran dibuat atau balasan lain diberikan untuk suatu pembekalan atau dalam apa-apa tempoh terkemudian sebagaimana yang diluluskan atau diarahkan oleh Ketua Pengarah di bawah seksyen 38 Akta.

Perubahan pada asas pengakaunan

33. (1) Jika orang berdaftar berubah daripada asas invois kepada asas pembayaran atau daripada asas pembayaran kepada asas invois dia hendaklah—

(a) menyediakan satu senarai pemiutang berhubung dengan pembekalan bercukai kepadanya yang menunjukkan amaun yang kena dibayar olehnya pada hari terakhir tempoh bercukai sebelum tempoh yang perubahan asas pengakaunan itu berkuat kuasa;

(b) menyediakan satu senarai penghutang berhubung dengan pembekalan bercukainya yang menunjukkan amaun yang kena dibayar kepadanya pada hari terakhir tempoh bercukai sebelum tempoh yang perubahan asas pengakaunan itu berkuat kuasa; dan

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(c) mengira cukai yang kena dibayar atau boleh dibayar balik menurut subperaturan (2), (3) atau (4) dengan menggunakan suatu pecahan cukai dan membuat suatu pelarasan cukai dengan memasukkan cukai yang kena dibayar atau boleh dibayar balik dalam penyata pertama yang perubahan asas pengakaunan berkuat kuasa.

(2) Jika orang berdaftar berubah daripada asas invois kepada asas pembayaran, cukai yang kena dibayar di bawah perenggan (1)*(c)* hendaklah suatu amaun yang ditentukan mengikut formula yang berikut:

A – B

Iaitu A ialah suatu amaun bersamaan dengan amaun agregat cukai input yang ditolak menurut subseksyen 38(1) Akta berhubung dengan amaun yang kena dibayar yang perlu ditunjukkan dalam senarai pemiutang yang perlu disediakan oleh orang berdaftar; dan

B ialah suatu amaun bersamaan dengan amaun agregat cukai output yang diakaunkan berhubung dengan amaun yang kena dibayar yang perlu ditunjukkan dalam senarai penghutang yang perlu disediakan oleh orang berdaftar.

(3) Jika orang berdaftar berubah daripada asas pembayaran kepada asas invois, cukai yang kena dibayar di bawah perenggan (1)*(c)* hendaklah suatu amaun yang ditentukan mengikut formula yang berikut:

C – D

Iaitu C ialah suatu amaun bersamaan dengan amaun agregat cukai output yang sepatutnya diakaunkan berhubung dengan

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

amaun yang kena dibayar yang perlu ditunjukkan dalam senarai penghutang yang perlu disediakan oleh orang berdaftar, jika orang itu telah mengakaunkan cukai yang kena dibayar atas asas invois; dan

D ialah suatu amaun bersamaan dengan amaun agregat cukai input yang sepatutnya ditolak menurut subseksyen 38(1) Akta berhubung dengan amaun yang kena dibayar yang perlu ditunjukkan dalam senarai pemiutang yang perlu disediakan oleh orang berdaftar, jika orang itu telah mengakaunkan cukai yang kena dibayar atas asas invois.

(4) Jika amaun cukai bersih yang disebut dalam subperaturan (2) atau (3) adalah suatu amaun yang negatif, amaun tersebut hendaklah dibayar balik kepada orang berdaftar oleh Ketua Pengarah.

(5) Bagi maksud peraturan ini, apa-apa pelarasan sebelumnya yang telah dibuat ke atas cukai input atau cukai output, mengikut mana-mana yang berkenaan, apabila seorang orang berdaftar berubah daripada asas invois kepada asas pembayaran atau asas pembayaran kepada asas invois, hendaklah disifatkan telah ditolak atau diakaunkan menurut seksyen 38 Akta.

(6) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan.

BAHAGIAN VI
CUKAI INPUT DAN PENGECUALIAN SEPARA

Tafsiran

34. Dalam Bahagian ini—

"cukai input dikecualikan" ertinya cukai input atau suatu perkadaran cukai input yang berkaitan dengan pembekalan dikecualikan;

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

"motokar penumpang" ertinya suatu motokar yang dibina atau yang disesuaikan untuk mengangkut penumpang tidak melebihi sembilan orang termasuk pemandu dan berat tanpa muatan yang tidak melebihi tiga ribu kilogram tetapi tidak termasuk:

(a) kereta sewa dan pandu yang dilesenkan di bawah Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 [*Akta 715*] dan Akta Pelesenan Kenderaan Pelancongan 1999 [*Akta 594*];

(b) sebuah kenderaan motor yang dibekalkan kepada atau diimport oleh seorang orang kena cukai bagi maksud sewaan atau jualan oleh orang kena cukai itu yang adalah peniaga kenderaan motor yang dilesenkan di bawah Akta Peniaga Sekendhend 1946 [*Akta 189*];

(c) suatu kenderaan yang diluluskan yang digunakan bagi maksud pengajaran pemanduan oleh suatu sekolah memandu atau institut memandu yang dibenarkan di bawah Kaedah-Kaedah Kenderaan Bermotor (Lesen Memandu) 1992 [*P.U. (A) 409/1992*];

(d) suatu motokar yang menjadi sebahagian daripada stok niaga seorang pengilang motor atau peniaga motor; atau

(e) mana-mana motokar yang digunakan secara eksklusif bagi tujuan perniagaan sebagaimana yang diluluskan oleh Ketua Pengarah dan tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang difikirkan patut untuk dikenakan oleh Ketua Pengarah.

Pengertian tempoh yang lebih panjang

35. (1) Tempoh yang lebih panjang ertinya suatu tahun cukai atau suatu tempoh yang mengandungi dua atau lebih tempoh bercukai yang terpakai kepada orang kena cukai yang menanggung kedua-dua cukai input dan cukai input dikecualikan semasa mana-mana tahun cukai.

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(2) Suatu tempoh yang lebih panjang hendaklah bersamaan dengan tahun cukai melainkan orang kena cukai tidak menanggung cukai input dikecualikan semasa tahun cukainya yang sebaik sebelum itu, yang dalam hal yang demikian tempoh yang lebih panjang baginya hendaklah—

(a) bermula pada hari pertama tempoh bercukai yang pertama yang dia menanggung cukai input dikecualikan; dan

(b) berakhir pada hari terakhir tahun cukai itu.

(3) Subperaturan (2) tidak terpakai jika orang kena cukai itu hanya menanggung cukai input dikecualikan dalam tempoh bercukai terakhir bagi tahun cukainya.

(4) Dalam hal orang kena cukai terhenti daripada kena cukai semasa suatu tempoh yang lebih panjang yang terpakai kepadanya, tempoh yang lebih panjang itu hendaklah berakhir pada hari apabila dia terhenti daripada kena cukai.

(5) Ketua Pengarah boleh meluluskan, dalam hal orang kena cukai yang menanggung cukai input dikecualikan atau suatu golongan orang itu, bahawa suatu tempoh yang lebih panjang yang tidak bersamaan dengan tahun cukai hendaklah terpakai.

Cukai input yang tidak dibenarkan

36. Cukai input yang ditanggung oleh seorang orang kena cukai hendaklah dikecualikan daripada apa-apa kredit di bawah seksyen 38 Akta berkenaan dengan mana-mana yang berikut:

(a) pembekalan kepadanya atau pengimportan olehnya suatu motokar penumpang;

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(b) pembekalan barang atau perkhidmatan berhubungan dengan pembaikan, penyenggaraan dan membaik pulih suatu motokar penumpang;

(c) penyewaan motokar penumpang;

(d) yuran langganan kelab termasuk apa-apa yuran penyertaan, yuran keahlian, yuran pindahan atau yuran lain yang dikenakan oleh mana-mana kelab, persatuan, pertubuhan atau organisasi yang ditubuhkan terutamanya bagi maksud rekreasi atau sukan atau oleh pemindah keahlian kelab, persatuan, pertubuhan atau organisasi tersebut, mengikut mana-mana yang berkenaan;

(e) apa-apa pembayaran atau sumbangan bagi apa-apa kontrak insurans atau sijil takaful—

(i) untuk menanggung rugi orang kena cukai terhadap kos rawatan perubatan kepada mana-mana orang;

(ii) terhadap kos rawatan perubatan yang orang yang diinsuranskan atau peserta ialah orang yang diambil kerja oleh orang kena cukai itu; atau

(iii) terhadap apa-apa kemalangan peribadi yang orang yang diinsuranskan atau peserta ialah orang yang diambil kerja oleh orang kena cukai itu,

tetapi tidak termasuk apa-apa kontrak insurans atau sijil takaful terhadap apa-apa tanggungan yang ditanggung oleh orang kena cukai itu di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 [*Akta 4*] dan Akta Pampasan Pekerja 1952 [*Akta 273*] jika perbelanjaan itu adalah wajib di bawah Akta itu atau di bawah apa-apa perjanjian kolektif mengikut pengertian Akta Perhubungan Perusahaan 1967 [*Akta 177*];

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(f) apa-apa perbelanjaan perubatan yang ditanggung berkaitan dengan penyediaan semua bentuk rawatan perubatan kepada mana-mana orang yang diambil kerja oleh seorang orang kena cukai tetapi tidak termasuk perbelanjaan perubatan yang ditanggung di bawah Akta Keselamatan Sosial 1969 dan Akta Pampasan Pekerja 1952 jika perbelanjaan itu adalah wajib di bawah Akta itu atau di bawah apa-apa perjanjian kolektif mengikut pengertian Akta Perhubungan Perusahaan 1967;

(g) apa-apa manfaat keluarga termasuk hospitaliti dalam apa-apa bentuk yang disediakan oleh orang kena cukai untuk manfaat mana-mana orang iaitu isteri, suami, anak, termasuk anak angkat mengikut mana-mana undang-undang bertulis, atau ibu bapa kepada mana-mana orang yang diambil kerja oleh orang kena cukai itu; atau

(h) perbelanjaan keraian kepada seseorang selain daripada pekerja atau pelanggan sedia ada kecuali perbelanjaan keraian yang ditanggung oleh seseorang yang dalam perniagaan menyediakan keraian.

Kaedah de minimis

37. Jika dalam mana-mana tempoh bercukai atau tempoh yang lebih panjang, jumlah nilai semua pembekalan dikecualikan kecuali pembekalan yang disebut dalam peraturan 40 yang dibuat oleh seorang orang kena cukai tidak melebihi—

(a) purata lima ribu ringgit sebulan; dan

(b) suatu amaun yang bersamaan dengan lima peratus daripada jumlah nilai semua pembekalan bercukai dan dikecualikan yang dibuat dalam tempoh itu,

semua cukai input dikecualikan dalam tempoh itu hendaklah dikira sebagai berkaitan dengan pembekalan bercukai.

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

Tuntutan cukai input

38. (1) Tertakluk kepada subperaturan (2) dan (3), mana-mana orang kena cukai yang menuntut cukai input dengan memotong daripada cukai output yang kena dibayar olehnya di bawah seksyen 38 Akta hendaklah berbuat demikian dalam penyata yang dikemukakan olehnya bagi tempoh bercukai yang dia memegang,—

(a) jika tuntutan itu berkenaan dengan suatu pembekalan daripada orang kena cukai yang lain,—

(i) suatu invois cukai atas namanya yang dikehendaki untuk disediakan di bawah seksyen 33 Akta; atau

(ii) suatu invois cukai yang tidak mengandungi nama dan alamat penerima jika kelulusan diberikan oleh Ketua Pengarah di bawah perenggan 33(3)*(a)* Akta dengan syarat amaun maksimum cukai input yang dituntut tidak lebih daripada tiga puluh ringgit.

(b) jika tuntutan itu berkenaan dengan suatu pembekalan dari pengilang tol di bawah seksyen 72 Akta, suatu invois yang diterima oleh seorang penerima daripada seseorang yang tempatnya bukan di Malaysia;

(c) jika tuntutan itu berkenaan dengan suatu pembekalan daripada seorang orang yang diluluskan di bawah seksyen 74 Akta, suatu invois yang dikehendaki di bawah peraturan 98;

(d) jika tuntutan itu berkenaan dengan suatu pengimportan barang, borang yang ditetapkan di bawah Akta Kastam 1967 yang menyatakan penuntut sebagai pengimport, penerima konsain atau pemunya dan amaun cukai yang dikenakan atau dibayar ke atas barang itu;

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(e) jika tuntutan itu berkenaan dengan suatu pengimportan perkhidmatan, suatu dokumen yang menyatakan penuntut telah membuat pembayaran bagi perkhidmatan yang digunakan;

(f) jika tuntutan itu berkenaan dengan barang yang telah dikeluarkan dari sebuah gudang berlesen, suatu borang ditetapkan di bawah Akta Kastam 1967 yang menyatakan penuntut sebagai pengimport, penerima konsain atau pemunya dan amaun cukai yang dikenakan atau dibayar ke atas barang itu; atau

(g) jika tuntutan itu berkenaan dengan pembayaran tunai yang telah dibuat hasil daripada suatu penyelesaian tuntutan di bawah kontrak insurans atau sijil takaful kepada orang yang diinsuranskan atau peserta di bawah peraturan 47, suatu dokumen yang menyatakan bahawa pembayaran tunai itu telah dibuat oleh syarikat insurans atau pengendali takaful.

(2) Seorang orang kena cukai yang menuntut potongan cukai input di bawah perenggan 1*(g)* hendaklah mengira potongan tersebut dengan menggunakan pecahan cukai.

(3) Seorang orang kena cukai yang menuntut potongan cukai input hendaklah memegang, sebagai ganti kepada dokumen atau invois yang dinyatakan dalam subperaturan (1), apa-apa dokumen lain yang hendaklah mengandungi butir-butir cukai yang dikenakan atau akan dikenakan, sebagaimana yang diarahkan oleh Ketua Pengarah.

(4) *(a)* Jika apa-apa tuntutan cukai input tidak dibuat dalam tempoh bercukai yang orang kena cukai itu memegang dokumen yang disebut dalam subperaturan (1) atau (3), Ketua Pengarah boleh membenarkan orang itu untuk membuat tuntutan dalam tempoh enam tahun daripada tarikh pembekalan kepadanya atau pengimportan olehnya;

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(b) Jika orang itu dibatalkan pendaftarannya, dia hendaklah membuat tuntutan dalam tempoh enam tahun daripada tarikh pembekalan kepadanya atau pengimportan olehnya, atau satu tahun daripada tarikh dia dibatalkan pendaftarannya, mengikut yang mana-mana terdahulu.

(5) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (1) atau (3) melakukan suatu kesalahan.

Hubung kait cukai input kepada pembekalan bercukai

39. (1) Tertakluk kepada peraturan 43, amaun cukai input yang seorang orang kena cukai adalah berhak untuk memotong secara sementara hendaklah amaun yang dihubungkaitkan dengan pembekalan bercukai mengikut peraturan ini.

(2) Berkenaan dengan setiap tempoh bercukai—

(a) barang yang diimport oleh dan barang atau perkhidmatan yang dibekalkan kepada orang kena cukai dalam tempoh itu hendaklah dikenal pasti;

(b) hendaklah dihubungkaitkan dengan pembekalan bercukai keseluruhan cukai input bagi barang atau perkhidmatan yang digunakan atau akan digunakan olehnya semata-mata untuk membuat pembekalan bercukai atau untuk membuat pembekalan di luar Malaysia yang akan menjadi suatu pembekalan bercukai jika dibuat di Malaysia;

(c) tiada bahagian daripada cukai input barang atau perkhidmatan yang digunakan atau akan digunakan olehnya semata-mata untuk membuat pembekalan dikecualikan, atau untuk menjalankan apa-apa aktiviti selain daripada pembuatan pembekalan bercukai boleh dihubungkaitkan dengan pembekalan bercukai; dan

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(d) hendaklah dihubungkaitkan dengan pembekalan bercukai dan pembekalan yang dibuat di luar Malaysia yang akan menjadi pembekalan bercukai jika dibuat di Malaysia apa-apa perkadaran cukai input sebagaimana yang ditentukan mengikut formula di bawah subperaturan (4) ke atas barang atau perkhidmatan yang digunakan atau akan digunakan oleh orang kena cukai untuk membuat pembekalan bercukai, pembekalan yang dibuat di luar Malaysia yang akan menjadi pembekalan bercukai jika dibuat di Malaysia dan pembekalan dikecualikan.

(3) Dalam mengira perkadaran di bawah perenggan (2)*(d),* hendaklah dikecualikan—

(a) nilai pembekalan barang yang merupakan aset modal perniagaan yang dalam penjalanan urusan atau penerusannya barang itu dibekalkan atau akan dibekalkan;

(b) nilai apa-apa pembekalan yang dibuat oleh seseorang penerima mengikut Skim Pengilang Tol Diluluskan di bawah seksyen 72 Akta;

(c) nilai apa-apa pembekalan yang disebut dalam peraturan 40 dan 42**;** atau

(d) nilai apa-apa pembekalan perkhidmatan diimport.

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(4) Amaun input tax yang seseorang orang kena cukai berhak di bawah subperaturan (1) hendaklah suatu amaun yang ditentukan mengikut formula seperti yang berikut:

$$a = \frac{T - O}{S - O} \times 100$$

Iaitu a ialah peratusan cukai input baki yang boleh didapatkan balik

T ialah jumlah keseluruhan (tidak termasuk GST) pembekalan bercukai yang dibuat dalam tempoh bercukai.

O ialah jumlah keseluruhan apa-apa pembekalan dalam subperaturan (3), dan

S ialah jumlah keseluruhan pembekalan bercukai dan pembekalan dikecualikan yang dibuat dalam tempoh bercukai.

(5) Nisbah yang dikira bagi maksud perenggan (2)*(d)* hendaklah dinyatakan sebagai suatu peratusan dan, jika peratusan itu bukan suatu nombor genap, ia hendaklah dibundarkan kepada dua titik perpuluhan yang terdekat.

(6) Tertakluk kepada subperaturan (7), Ketua Pengarah boleh meluluskan atau mengarahkan penggunaan oleh seorang orang kena cukai suatu cara selain yang dinyatakan di dalam perenggan (2)*(d).*

(7) Walau apa pun apa-apa peruntukan bagi apa-apa cara yang diluluskan atau diarahkan untuk digunakan di bawah peraturan ini yang dikatakan mempunyai kesan yang bertentangan, dalam mengira perkadaran apa-apa cukai input ke atas barang atau perkhidmatan yang digunakan atau akan digunakan oleh orang kena cukai untuk membuat pembekalan bercukai, pembekalan yang dibuat di luar Malaysia yang akan menjadi pembekalan bercukai jika dibuat di Malaysia dan pembekalan

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

dikecualikan yang hendak dikira sebagai boleh dihubungkaitkan dengan pembekalan bercukai, nilai apa-apa pembekalan dalam subperaturan (3) hendaklah dikecualikan.

(8) Seorang orang kena cukai yang menggunakan suatu cara sebagaimana yang diluluskan atau diarahkan untuk digunakan oleh Ketua Pengarah di bawah subperaturan (6) hendaklah terus menggunakan cara itu kecuali Ketua Pengarah meluluskan atau mengarahkan penamatan penggunaannya.

(9) Apa-apa arahan di bawah subperaturan (6) atau (8) hendaklah berkuat kuasa mulai dari tarikh Ketua Pengarah memberikan arahan itu atau dari suatu tarikh yang terkemudian sebagaimana yang dinyatakannya.

(10) Apa-apa kelulusan yang diberikan atau arahan yang dibuat oleh Ketua Pengarah di bawah peraturan ini hendaklah hanya berkuat kuasa jika ia dibuat secara bertulis.

(11) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (8) melakukan suatu kesalahan.

Layanan cukai input yang dihubungkaitkan dengan pembekalan kewangan dikecualikan sebagai dihubungkaitkan dengan pembekalan bercukai

40. (1) Peraturan ini hendaklah terpakai bagi apa-apa perkhidmatan kewangan dikecualikan yang bersampingan kepada satu atau lebih aktiviti perniagaan orang kena cukai.

(2) Tertakluk kepada peraturan 41, maka hendaklah kira sebagai cukai input yang dihubungkaitkan dengan pembekalan bercukai apa-apa cukai input yang dihubungkaitkan dengan pembekalan dikecualikan bagi apa-apa perihalan yang berikut yang dibuat oleh seorang orang kena cukai:

(a) deposit wang;

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(b) pertukaran mata wang, sama ada disebabkan oleh pertukaran mata wang, nota bank atau syiling, dengan mengkredit atau mendebit akaun atau selainnya;

(c) pegangan bon, debentur, wang kertas atau lain-lain surat cara yang serupa yang merupakan atau membuktikan keberhutangan, sama ada dijamin atau selainnya;

(d) pemindahan hak milik sekuriti atau terbitan berhubung dengan sekuriti;

(e) pemberian oleh seorang orang kena cukai apa-apa pinjaman, pendahuluan, kredit atau lain-lain kemudahan serupa sama ada dijamin atau selainnya kepada pekerjanya atau antara orang yang mempunyai kaitan;

(f) peletakhakan atau peruntukan kredit bagi apa-apa suatu perdagangan yang boleh diterima:

(g) pemegangan atau penebusan apa-apa unit atau instrumen lain yang serupa di bawah kumpulan wang amanah; atau

(h) perlindungan bagi apa-apa risiko kadar faedah, risiko mata wang, risiko harga tambang muatan atau risiko harga komoditi.

(3) Bagi tujuan subseksyen 30(2) dan perenggan 187(2)(C) Akta atau perenggan 19(1)*(b),* 19(2)*(a)* atau 89(2)*(a),* apa-apa rujukan kepada pembekalan bercukai keseluruhan termasuk rujukan kepada pembekalan bercukai dan apa-apa pembekalan dikecualikan yang dibuat di bawah subperaturan (1).

Ketidakpakaian bagi perniagaan tertentu

41. Peraturan 40 tidak terpakai jika pembekalan itu dibuat oleh orang kena cukai dalam penjalanan mana-mana perniagaan yang berikut:

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(a) mana-mana bank, bank pelaburan atau mana-mana institusi kewangan lain yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [*Akta 758*], Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [*Akta 759*]; Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Labuan 2010 [*Akta 704*] dan Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Islam Labuan 2010 [*Akta 705*];

(b) mana-mana institusi pembangunan kewangan sebagaimana ditetapkan di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 [*Akta 618*] atau undang-undang bertulis lain;

(c) seorang peminjam wang yang dilesenkan di bawah Akta Peminjam Wang 1951 [*Akta 400*];

(d) seorang yang dilesenkan di bawah Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011 [*Akta 731*];

(e) mana-mana penanggung insurans atau pengendali takaful yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Labuan 2010 dan Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Islam Labuan 2010;

(f) mana-mana pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal atau pemegang Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal yang berurusan dalam sekuriti atau derivatif di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [*Akta 671*];

(g) mana-mana pemegang pajak gadai yang dilesenkan di bawah Akta Pemegang Pajak Gadai 1972 [*Akta 81*] atau seorang pemegang pajak gadai yang melaksanakan perniagaan pajak gadai Islam yang mematuhi prinsip Syariah;

(h) mana-mana syarikat yang mengeluarkan kad kredit, kad caj, kad debit atau instrumen pembayaran yang lain di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013; atau

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(i) mana-mana syarikat yang menyediakan aset skim di bawah Skim Pelaburan Kolektif mengikut Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 termasuk unit amanah tetapi tidak termasuk amanah pelaburan hartanah.

Layanan cukai input yang dihubungkaitkan dengan pembekalan dikecualikan bagi tanah untuk kegunaan am sebagai dihubungkaitkan dengan pembekalan bercukai

42. (1) Peraturan ini hendaklah terpakai bagi mana-mana pembekalan dikecualikan bagi tanah untuk kegunaan am.

(2) Apa-apa cukai input yang dihubungkaitkan dengan pembekalan dikecualikan yang dinyatakan dalam subperaturan (1) yang dibuat oleh seorang orang kena cukai kepada mana-mana badan awam jika pembekalan barang oleh orang kena cukai dibuat dengan mematuhi kehendak yang dikuatkuasakan oleh mana-mana badan awam hendaklah dikira sebagai cukai input yang dihubungkaitkan dengan pembekalan bercukai.

(3) Bagi maksud peraturan ini,—

"badan awam" ertinya Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, pihak berkuasa tempatan dan badan berkanun;

"kegunaan am" ertinya penggunaan tanah bagi maksud tanah perkuburan, taman permainan atau bangunan keagamaan.

Pelarasan tempoh yang lebih panjang

43. (1) Jika seorang orang kena cukai yang baginya suatu tempoh yang lebih panjang terpakai telah menghubung kait secara sementara suatu amaun cukai input dengan pembekalan bercukai mengikut cara di bawah peraturan 39, dan jika semua cukai input dikecualikannya dalam tempoh yang lebih panjang itu tidak boleh dikira sebagai berhubung kait dengan pembekalan bercukai di bawah peraturan 37 dan

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

kecuali sebagaimana Ketua Pengarah boleh mengetepikan kehendak yang berikut untuk pelarasan, dia hendaklah—

(a) menentukan bagi tempoh yang lebih panjang itu amaun cukai input yang berhubung kait dengan pembekalan bercukai mengikut cara di bawah peraturan 39 yang digunakan dalam tempoh bercukai itu;

(b) menentukan sama ada terdapat, secara keseluruhan, suatu potongan lebih atau suatu potongan kurang cukai input, dengan mengambil kira penentuan yang disebut di atas dan jumlah amaun cukai input, jika ada, yang telah dipotong dalam penyata bagi tempoh bercukai itu; dan

(c) memasukkan apa-apa amaun potongan lebih atau potongan kurang itu dalam penyata bagi tempoh bercukai kedua yang berikutnya selepas tempoh yang lebih panjang itu, kecuali jika Ketua Pengarah membenarkan satu penyata yang lain digunakan bagi maksud ini.

(2) Jika seorang orang kena cukai yang baginya suatu tempoh yang lebih panjang terpakai telah menghubung kait secara sementara suatu amaun cukai input dengan pembekalan bercukai mengikut cara di bawah peraturan 39, dan jika semua cukai input dikecualikannya dalam tempoh yang lebih panjang itu boleh dikira sebagai berhubung kait dengan pembekalan bercukai di bawah peraturan 37, dia hendaklah—

(a) mengira perbezaan antara jumlah amaun cukai inputnya bagi tempoh yang lebih panjang itu dan jumlah amaun cukai input yang ditolak dalam penyata bagi tempoh bercukai tersebut; dan

(b) memasukkan apa-apa amaun potongan kurang dalam suatu penyata bagi tempoh bercukai kedua yang berikutnya selepas

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

tempoh yang lebih panjang itu, kecuali jika Ketua Pengarah membenarkan suatu penyata yang lain digunakan bagi maksud ini.

(3) Mana-mana orang yang melanggar peraturan ini melakukan suatu kesalahan.

Pelarasan cukai input yang terlebih dipotong disebabkan perubahan penggunaan

44. (1) Peraturan ini hendaklah terpakai—

(a) jika seorang orang kena cukai telah memotong suatu amaun cukai input yang telah dihubungkaitkan dengan pembekalan bercukai kerana dia berniat untuk menggunakan barang atau perkhidmatan untuk membuat sama ada pembekalan bercukai atau kedua-dua pembekalan bercukai dan pembekalan dikecualikan; dan

(b) dalam tempoh enam tahun bermula pada hari pertama tempoh bercukai yang hubung kait itu telah ditentukan dan sebelum niat itu dipenuhi, dia menggunakan barang atau perkhidmatan berkenaan—

(i) untuk membuat pembekalan dikecualikan atau kedua-dua pembekalan bercukai dan pembekalan dikecualikan, dan bukannya pembekalan bercukai;

(ii) untuk membuat pembekalan dikecualikan, dan bukannya kedua-dua pembekalan bercukai dan pembekalan dikecualikan; atau

(iii) dalam meneruskan untuk membuat kedua-dua pembekalan bercukai dan pembekalan dikecualikan, tetapi mengurangkan perkadaran pembekalan bercukai kepada pembekalan dikecualikan.

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(2) Kecuali sebagaimana yang dibenarkan selainnya oleh Ketua Pengarah, jika peraturan ini terpakai, orang kena cukai hendaklah, dalam penyata bagi tempoh bercukai yang berlakunya penggunaan barang atau perkhidmatan itu, mengakaunkan cukai output, suatu amaun bersamaan dengan cukai input yang telah terhenti berhubung kait dengan pembekalan bercukai, mengikut cara di bawah peraturan 39 yang dia dikehendaki menggunakannya apabila cukai input itu mula dihubungkaitkan.

(3) Bagi maksud peraturan ini, apa-apa persoalan tentang sifat apa-apa pembekalan hendaklah ditentukan mengikut peruntukan Akta dan apa-apa peraturan atau perintah yang dibuat di bawahnya yang berkuat kuasa pada masa cukai input itu mula dihubungkaitkan.

(4) Tertakluk kepada subperaturan (1), jika apa-apa barang atau perkhidmatan yang telah digunakan dan pelarasan telah dibuat mengikut subperaturan (2), tiada pelarasan selanjutnya di bawah peraturan ini boleh dibuat ke atas amaun cukai input yang telah diakaunkan.

(5) Peraturan ini tidak terpakai bagi Bahagian VIII.

Pelarasan cukai input yang terkurang dipotong disebabkan perubahan penggunaan

45. (1) Peraturan ini hendaklah terpakai—

(a) jika seorang orang kena cukai telah menanggung suatu amaun cukai input yang telah dihubungkaitkan dengan pembekalan bercukai kerana dia berniat untuk menggunakan barang atau perkhidmatan itu untuk membuat sama ada pembekalan dikecualikan atau kedua-dua pembekalan bercukai dan pembekalan dikecualikan; dan

(b) dalam tempoh enam tahun bermula pada hari pertama tempoh bercukai yang hubung kait itu telah ditentukan dan sebelum niat

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

itu dipenuhi dia menggunakan barang atau perkhidmatan yang berkenaan—

(i) untuk membuat pembekalan bercukai atau kedua-dua pembekalan bercukai dan pembekalan dikecualikan, dan bukannya pembekalan dikecualikan;

(ii) untuk membuat pembekalan bercukai, dan bukannya kedua-dua pembekalan bercukai dan pembekalan dikecualikan; atau

(iii) dalam meneruskan untuk membuat kedua-dua pembekalan bercukai dan pembekalan dikecualikan, tetapi meningkatkan perkadaran pembekalan bercukai kepada pembekalan dikecualikan.

(2) Kecuali sebagaimana yang dibenarkan selainnya oleh Ketua Pengarah, jika peraturan ini terpakai, orang kena cukai hendaklah, dalam penyata bagi tempoh bercukai yang berlakunya penggunaan barang atau perkhidmatan itu, menuntut suatu amaun yang bersamaan dengan cukai input yang telah menjadi berhubung kait dengan pembekalan bercukai mengikut cara di bawah peraturan 39 yang dia dikehendaki menggunakannya apabila cukai input itu mula dihubungkaitkan.

(3) Bagi maksud peraturan ini, apa-apa persoalan tentang sifat apa-apa pembekalan hendaklah ditentukan mengikut peruntukan Akta dan apa-apa peraturan atau perintah yang dibuat di bawahnya yang berkuat kuasa pada masa cukai input itu mula dihubungkaitkan.

(4) Tertakluk kepada subperaturan (1), jika apa-apa barang atau perkhidmatan yang telah digunakan dan pelarasan telah dibuat mengikut subperaturan (2), tiada pelarasan selanjutnya di bawah peraturan ini boleh dibuat ke atas amaun cukai input yang telah dituntut.

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(5) Peraturan ini tidak terpakai kepada Bahagian VIII.

Tuntutan luar biasa bagi cukai input

46. (1) Tertakluk kepada subperaturan (2), Ketua Pengarah boleh memberi kuasa kepada seorang orang kena cukai untuk mengira seolah-olah ia adalah cukai input, apa-apa cukai yang dibayar ke atas pembekalan barang kepada orang kena cukai itu sebelum tarikh yang dia mula didaftarkan, atau dikehendaki untuk berdaftar, atau dibayar olehnya ke atas barang diimport sebelum tarikh itu, bagi maksud suatu perniagaan yang dijalankan atau akan dijalankan olehnya pada masa pembekalan atau pembayaran itu.

(2) Tiada cukai boleh dikira seolah-olah ia adalah cukai input berkenaan dengan—

(a) barang yang telah dibekalkan atau digunakan;

(b) barang yang telah digunakan sebahagiannya atau digabungkan menjadi barang lain; atau

(c) barang yang dipegang untuk selain kegunaan perniagaan,

oleh orang yang disebut dalam subperaturan (1) sebelum tarikh yang dia mula didaftarkan, atau dikehendaki untuk berdaftar.

(3) Suatu tuntutan di bawah subperaturan (1) hendaklah, kecuali sebagaimana yang dibenarkan selainnya oleh Ketua Pengarah, dibuat dalam penyata pertama yang dikemukakan oleh orang kena cukai itu menurut seksyen 41 Akta dan, sebagaimana yang boleh dikehendaki oleh pegawai cukai barang dan perkhidmatan, hendaklah disokong dengan invois cukai dan keterangan lain.

(4) Seorang orang kena cukai yang membuat suatu tuntutan di bawah subperaturan (1) hendaklah menyimpan dan memelihara selama tujuh tahun daripada tarikh terakhir yang berhubungan dengan rekod itu berkenaan dengan barang, suatu

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

akaun stok yang menunjukkan secara berasingan kuantiti pembelian, kuantiti digunakan untuk membuat barang lain, tarikh pembelian dan tarikh dan cara pelupusan yang berikutnya bagi kuantiti tersebut.

(5) Mana-mana orang yang telah menjadi tetapi tidak lagi menjadi seorang orang kena cukai boleh membuat tuntutan kepada Ketua Pengarah bagi pembayaran apa-apa amaun cukai ke atas pembekalan perkhidmatan kepadanya selepas tarikh dia mula terhenti dari boleh didaftarkan atau dikehendaki untuk berdaftar dan yang dihubungkaitkan dengan apa-apa pembekalan bercukai yang dibuat olehnya dalam penjalanan dan penerusan apa-apa perniagaan yang dijalankan olehnya apabila dia berdaftar atau dikehendaki berdaftar.

Cukai input yang disifatkan berhubungan dengan pembayaran tunai insurans atau takaful

47. (1) Peraturan ini hendaklah terpakai jika tempoh perlindungan insurans atau takaful di bawah kontrak insurans atau sijil takaful bermula pada atau selepas tarikh kuat kuasa seksyen 9 Akta.

(2) Tertakluk kepada subperaturan (3), jika premium atau sumbangan yang kena dibayar di bawah kontrak insurans atau sijil takaful tertakluk kepada kadar cukai yang berkuat kuasa di bawah seksyen 10 Akta, penginsuran atau pengendali takaful hendaklah disifatkan telah menanggung cukai input ke atas apa-apa pembayaran tunai yang telah dibuat olehnya berikutan berlakunya peristiwa yang diinsuranskan dan yang adalah wajib di bawah kontrak insurans atau sijil takaful tersebut (yang disebut di dalam peraturan ini sebagai "cukai input yang disifatkan"), kecuali dalam keadaan sebagaimana yang diputuskan selainnya oleh Menteri bagi perlindungan hasil.

(3) Subperaturan (2) hendaklah terpakai jika kontrak insurans atau sijil takaful dikeluarkan oleh seorang yang, pada masa perlindungan insurans atau takaful bermula di bawah kontrak atau sijil itu,—

(a) tidak berdaftar di bawah Bahagian IV Akta;

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(b) adalah pemilik tunggal yang berdaftar di bawah Bahagian IV Akta dan telah membeli perlindungan insurans atau takaful bagi apa-apa maksud selain daripada maksud dalam penjalanan dan penerusan perniagaannya; atau

(c) jika kontrak itu adalah untuk insuran atau takaful perubatan atau peribadi, adalah berdaftar di bawah Bahagian IV Akta dan tidak dibenarkan di bawah peraturan 36 daripada menuntut apa-apa kredit di bawah seksyen 38 Akta atas apa-apa cukai input yang ditanggung ke atas premium atau sumbangan yang telah dibayar ke atas kontrak atau sijil itu.

(4) Jika penginsuran atau pengendali takaful menanggung cukai input yang disifatkan di bawah subperaturan (2),—

(a) amaun cukai input yang disifatkan hendaklah suatu amaun bersamaan dengan pecahan cukai kepada pembayaran tunai itu; dan

(b) cukai input yang disifatkan itu hendaklah dikira sebagai telah ditanggung oleh penginsuran atau pengendali takaful dalam tempoh bercukai yang pembayaran tunai itu telah dibuat olehnya.

(5) Kecuali sebagaimana yang dibenarkan selainnya oleh Ketua Pengarah, penginsuran atau pengendali takaful yang membuat suatu tuntutan cukai input yang disifatkan hendaklah menyimpan suatu rekod tuntutan itu yang mengandungi maklumat yang menunjukkan—

(a) tempoh perlindungan insurans atau takaful di bawah kontrak insurans atau sijil takaful bermula pada atau selepas tarikh kuat kuasa seksyen 9 Akta;

(b) premium atau sumbangan yang kena dibayar di bawah kontrak

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

insurans atau sijil takaful adalah tertakluk kepada kadar cukai yang berkuat kuasa di bawah seksyen 10 Akta;

(c) pembayaran tunai telah dibuat olehnya apabila berlakunya peristiwa yang dinsuranskan;

(d) pembayaran itu wajib di bawah kontrak insurans atau sijil takaful; dan

(e) orang yang membuat kontrak insurans atau sijil takaful dengannya merupakan orang yang dinyatakan dalam subperaturan (3).

(6) Jika penginsuran atau pengendali takaful mendapatkan balik daripada mana-mana orang (selain daripada syarikat insurans semula atau pengendali takaful semula di bawah suatu kontrak insurans semula atau sijil takaful semula) pembayaran tunai yang disebut dalam subperaturan (2) atau mana-mana bahagiannya—

(a) cukai input yang disifatkan ke atas pembayaran tunai hendaklah dikurangkan dengan suatu amaun bersamaan dengan pecahan cukai bagi jumlah yang didapatkan balik dalam tempoh bercukai yang jumlah itu didapatkan balik; atau

(b) jika penginsuran atau pengendali takaful telah menuntut cukai input yang disifatkan, dia hendaklah mengakaunkan dan membayar semula kepada Ketua Pengarah amaun pelarasan dalam tempoh bercukai yang disebut dalam perenggan *(a)*.

Cukai input yang dibenarkan ke atas perolehan barang atau perkhidmatan di bawah perkiraan kewangan Islam

48. (1) Jika mana-mana orang telah memperoleh—

(a) barang atau perkhidmatan di bawah suatu perkiraan kewangan Islam selain daripada penyediaan pembiayaan Islam; atau

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(b) khidmat nasihat shariah oleh jawatankuasa Shariah yang ditubuhkan di bawah seksyen 30 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 berhubung dengan suatu perkiraan kewangan Islam;

orang itu berhak kepada kredit sebanyak cukai input yang dibenarkan dan munasabah untuk dihubungkaitkan dengan pembekalan yang dibuat atau akan dibuat olehnya.

(2) Jika suatu institusi kewangan berhak kepada kredit cukai input yang disebut dalam subperaturan (1), cukai input itu hendaklah tidak dimasukkan dalam formula di bawah peraturan 52.

Cukai input yang dibenarkan ke atas perolehan barang atau perkhidmatan oleh pihak berkuasa tempatan atau badan berkanun

49. Jika mana-mana pihak berkuasa tempatan atau badan berkanun memperoleh barang atau perkhidmatan untuk melaksanakan fungsi kawal selia dan penguatkuasaannya, pihak berkuasa tempatan atau badan berkanun itu berhak kepada suatu kredit sebanyak mana cukai inputnya yang dibenarkan dan munasabah untuk dihubungkaitkan dengan pembekalan yang dibuat atau akan dibuat olehnya.

BAHAGIAN VII

MENDAPATKAN CUKAI INPUT TETAP

Tafsiran

50. Dalam Bahagian ini, "kadar tetap" ertinya suatu kadar spesifik dalam peratusan bagi maksud menentukan amaun cukai input yang dibenarkan untuk dikredit oleh mana-mana orang kena cukai yang disebut dalam peraturan 51.

Kelayakan bagi cukai input yang dibenarkan

51. Kecuali sebagaimana yang diarahkan selainnya oleh Ketua Pengarah, hendaklah terdapat suatu amaun cukai input yang dibenarkan ke atas pembekalan yang dibuat oleh seorang orang kena cukai jika dia adalah—

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(a) sebuah bank yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013;

(b) sebuah bank Islam yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013;

(c) sebuah institusi kewangan pembangunan sebagaimana yang ditetapkan di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002; atau

(d) mana-mana institusi diluluskan yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

Cukai input yang dibenarkan

52. (1) Mana-mana orang yang disebut dalam peraturan 51 dibenarkan untuk suatu kredit sebanyak mana cukai inputnya yang dibenarkan mengikut suatu cara menggunakan formula yang berikut:

A x B

Iaitu A ialah jumlah cukai input yang ditanggung dalam tempoh bercukai tidak termasuk cukai input yang dibenarkan di bawah peraturan 48; dan

B ialah kadar tetap.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan.

Permulaan kuat kuasa

53. Apa-apa cukai input yang dibenarkan di bawah Bahagian ini hendaklah berkuat kuasa pada tarikh yang Menteri menetapkan kadar yang ditetapkan itu atau apa-apa tarikh terkemudian sebagaimana yang dinyatakan olehnya.

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

Rekod

54. Mana-mana orang yang disebut dalam peraturan 51 hendaklah mengemukakan penyata kewangan atau apa-apa rekod lain sebagaimana diarahkan oleh Ketua Pengarah.

Ketidakpakaian potongan cukai input bagi aset modal di bawah Bahagian VIII

55. (1) Walau apa pun peruntukan peraturan ini, apa-apa pelarasan kepada potongan cukai input ke atas aset modal di bawah Bahagian VIII adalah tidak terpakai.

(2) Apa-apa potongan cukai input ke atas suatu aset modal hendaklah dimasukkan dalam jumlah cukai input yang ditanggung dalam tempoh bercukai itu.

Ketidakpakaian pelarasan tempoh yang lebih panjang, dsb.

56. Peraturan 43, 44 atau 45 tidak terpakai kepada mana-mana orang yang berhubungan dengan Bahagian ini.

BAHAGIAN VIII

PELARASAN KEPADA POTONGAN CUKAI INPUT BAGI ASET MODAL

Tafsiran

57. Dalam Bahagian ini, "aset modal" hendaklah termasuk semua barang sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah yang boleh dipermodal di bawah prinsip pengakaunan yang diterima pakai dan digunakan oleh seseorang, selepas ini disebut sebagai "pemunya", dalam penjalanan atau penerusan suatu perniagaan selain daripada semata-mata bagi maksud penjualan aset modal itu dan nilai aset modal yang dibekalkan, diimport, dikilangkan, dipasang, dikeluarkan atau dibina itu tidak kurang daripada satu ratus ribu ringgit seunit tidak termasuk cukai dan nilai itu hendaklah termasuk apa-apa penambahbaikan termasuklah pengubahan, penambahan, baik pulih atau pemasangannya jika kos itu telah dipermodal.

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

Tempoh pelarasan

58. (1) Perkadaran, jika ada, bagi jumlah cukai input ke atas suatu aset modal yang boleh dipotong di bawah Bahagian VI hendaklah tertakluk kepada pelarasan mengikut peruntukan Bahagian ini.

(2) Tempoh pelarasan yang berhubungan dengan suatu aset modal hendaklah mengandungi—

(a) sepuluh lat tempoh berturutan bagi tanah dan bangunan; dan

(b) lima lat tempoh yang berturutan bagi apa-apa aset modal selain di perenggan *(a)*,

dan hendaklah ditentukan mengikut subperaturan (3), (4) dan (5).

(3) Lat tempoh pertama yang terpakai bagi suatu aset modal hendaklah ditentukan seperti yang berikut:

(a) jika pemunya adalah seorang orang berdaftar apabila dia mengimport atau dibekalkan dengan aset itu sebagai suatu aset modal, lat tempoh pertama hendaklah bermula pada hari pengimportan atau pembekalan dan hendaklah berakhir pada hari sebelum permulaan kuat kuasa tahun cukai berikutnya selepas hari itu;

(b) jika pemunya adalah seorang orang berdaftar apabila dia menguntukkan untuk menggunakan sesuatu aset sebagai aset modal, lat tempoh pertama hendaklah bermula pada hari dia menggunakan aset itu dan hendaklah berakhir pada hari sebelum permulaan kuat kuasa tahun cukai berikutnya selepas hari itu;

(c) jika aset modal itu dikilangkan, dipasang, dikeluarkan atau dibina oleh pemunya aset modal itu yang merupakan orang berdaftar, lat

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

tempoh pertama hendaklah bermula pada hari pemunya mula menggunakan aset modal itu dan hendaklah berakhir pada hari sebelum permulaan kuat kuasa tahun cukai berikutnya selepas hari itu;

(d) jika pemunya itu bukan seorang orang kena cukai apabila dia mula menggunakan suatu aset sebagai aset modal, dan kemudiannya menjadi seorang orang berdaftar, lat tempoh pertama hendaklah bermula pada hari dia berdaftar dan hendaklah berakhir pada hari sebelum permulaan kuat kuasa tahun cukai berikutnya selepas hari itu; dan

(e) jika pemunya itu bukan orang kena cukai apabila dia mula menggunakan suatu aset sebagai aset modal, dan kemudiannya menjadi orang berdaftar pada suatu tarikh yang kemudian daripada tarikh yang dia sepatutnya berdaftar, lat tempoh pertama hendaklah bermula pada tarikh dia sepatutnya berdaftar dan hendaklah berakhir pada hari sebelum permulaan kuat kuasa tahun cukai berikutnya selepas hari itu.

(4) Setiap lat tempoh berikutnya yang terpakai bagi suatu aset modal hendaklah selaras dengan tahun cukai pemunya yang berikutnya.

(5) Jika pemunya suatu aset modal memindahkannya dalam tempoh pelarasan yang terpakai baginya dalam perjalanan pemindahan perniagaannya atau sebahagian daripada perniagaannya sebagai usaha berterusan dan aset itu tidak dikira sebagai dibekalkan di bawah seksyen 68 Akta, sebagai penggantian kepada pemindah, lat tempoh yang terpakai bagi aset modal itu pada masa pemindahan itu hendaklah berakhir pada hari terakhir tahun cukai penerima pindahan.

(6) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (2), (3) atau (5) melakukan suatu kesalahan.

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

Cara pelarasan

59. (1) Jika dalam suatu lat tempoh yang berikutnya yang terpakai bagi suatu aset modal, setakat yang ia digunakan untuk membuat pembekalan bercukai bertambah daripada setakat yang ia telah digunakan atau akan digunakan pada masa kelayakan asal bagi potongan cukai input itu ditentukan, pemunya boleh menuntut cukai input bagi lat tempoh yang berikutnya itu suatu amaun yang dikira mengikut formula yang berikut:

$$\frac{\text{jumlah cukai input ke atas aset modal} \quad X \quad \text{peratusan pelarasan}}{i}$$

Iaitu i bersamaan dengan bilangan lat tempoh yang berturutan yang terpakai bagi aset modal sebagaimana yang ditentukan dalam perenggan 58(2)*(a)* dan *(b)*.

(2) Jika dalam suatu lat tempoh yang berikutnya yang terpakai bagi suatu aset modal, setakat yang ia digunakan untuk membuat pembekalan bercukai berkurangan daripada setakat yang ia telah digunakan atau akan digunakan pada masa kelayakan asal bagi potongan cukai input itu ditentukan, pemunya itu hendaklah mengakaunkan cukai kepada Ketua Pengarah bagi lat tempoh yang berikutnya suatu amaun yang dikira mengikut subperaturan (1).

(3) Jika pemunya melupuskan suatu aset modal atau telah disifatkan untuk membuat pembekalan suatu aset modal dalam masa suatu lat tempoh selain daripada lat tempoh terakhir yang terpakai bagi aset tersebut, peruntukan yang berikut hendaklah terpakai:

(a) jika pembekalan atau pembekalan yang disifatkan bagi aset modal itu adalah suatu pembekalan bercukai, pemunya hendaklah dikira sebagai menggunakan aset modal itu untuk setiap baki lat tempoh lengkap yang terpakai baginya secara keseluruhan untuk membuat pembekalan bercukai; dan

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(b) pemunya hendaklah mengira bagi setiap baki lat tempoh yang terpakai baginya, mengikut subperaturan (1), apa-apa amaun yang dibenarkan kepadanya sebagai cukai inputnya.

(4) Jika aset modal hilang atau dicuri secara yang tidak dapat diperoleh kembali atau musnah keseluruhannya dalam tempoh pelarasan yang terpakai baginya, tiada pelarasan selanjutnya boleh dibuat berkenaan dengan apa-apa baki lat tempoh lengkap yang terpakai baginya.

(5) Seorang orang kena cukai yang menuntut apa-apa amaun menurut subperaturan (1), atau yang bertanggungan untuk membayar apa-apa amaun menurut subperaturan (2), hendaklah memasukkan amaun itu dalam suatu penyata bagi tempoh bercukai yang kedua selepas lat tempoh yang berhubungan dengan amaun itu kecuali jika Ketua Pengarah membenarkan suatu penyata lain digunakan bagi maksud ini.

(6) Seorang orang kena cukai yang menuntut apa-apa amaun menurut subperaturan (3) hendaklah memasukkan amaun tersebut dalam suatu penyata bagi tempoh bercukai kedua selepas lat tempoh yang pembekalan atau pembekalan yang disifatkan yang berkenaan berlaku kecuali jika Ketua Pengarah membenarkan suatu penyata lain digunakan bagi maksud ini.

(7) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (2), (3), (4), (5) atau (6) melakukan suatu kesalahan.

(8) Bagi maksud peraturan ini—

"kelayakan asal bagi potongan" ertinya kelayakan untuk potongan yang ditentukan menurut Bahagian VI;

"jumlah cukai input ke atas aset modal" ertinya—

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(a) berhubung dengan suatu aset modal yang diimport oleh atau dibekalkan kepada pemunya, cukai yang dikenakan ke atas pengimportan atau pembekalan aset modal itu; dan

(b) berhubung dengan suatu aset modal yang dikilangkan, dipasang, dikeluarkan atau dibina oleh pemunya, cukai yang dikenakan bagi pembekalan aset modal itu, mengikut kehendak keadaan,

dan hendaklah termasuk, berhubung dengan apa-apa aset modal—

(i) apa-apa cukai bagi pengubahan, penyambungan, baik pulih atau pemasangan; dan

(ii) apa-apa cukai yang dikira sebagai cukai input di bawah peraturan 46 yang berhubung dengan aset modal itu,

dan bagi maksud subperaturan ini rujukan kepada pemunya hendaklah ditafsirkan sebagai rujukan kepada orang yang telah menanggung jumlah cukai input ke atas aset modal itu;

"peratusan pelarasan" ertinya perbezaan, jika ada, yang dinyatakan dalam peratusan, antara setakat yang aset modal itu telah digunakan atau akan digunakan untuk membuat pembekalan bercukai pada masa kelayakan asal bagi potongan cukai input telah ditentukan, dengan setakat yang ia digunakan atau dikira di bawah subperaturan (3) sebagai digunakan dalam lat tempoh yang berikutnya yang berkenaan.

Pemastian penggunaan suatu aset modal untuk membuat pembekalan bercukai

60. (1) Tertakluk kepada subperaturan 59(3) dan subperaturan (2), bagi maksud Bahagian ini, suatu hubung kait bagi jumlah cukai input ke atas aset modal hendaklah ditentukan bagi setiap lat tempoh yang berikutnya yang terpakai baginya mengikut cara yang digunakan di bawah Bahagian VI bagi lat tempoh itu dan perkadaran cukai input yang ditentukan sebagai boleh dihubungkaitkan dengan pembekalan bercukai

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

hendaklah dikira sebagai setakat aset modal itu digunakan untuk membuat pembekalan bercukai dalam lat tempoh yang berikutnya itu.

(2) Dalam mana-mana hal tertentu Ketua Pengarah boleh membenarkan suatu cara lain, atau mengarahkan cara, yang dengannya setakat yang suatu aset modal digunakan untuk membuat pembekalan bercukai dalam apa-apa lat tempoh yang berikutnya yang terpakai baginya hendaklah dipastikan.

BAHAGIAN IX

PENYATA DAN PEMBAYARAN

Cara mengemukakan penyata

61. (1) Seorang kena cukai hendaklah mengemukakan suatu penyata bagi setiap tempoh bercukai sebagaimana yang dikehendaki di bawah seksyen 41 Akta dalam Borang GST-03.

(2) Semua butir-butir yang diminta dalam Borang GST-03 hendaklah dikemukakan oleh orang kena cukai itu dan hendaklah mengandungi suatu perakuan bahawa penyata itu adalah benar dan lengkap.

Cara membuat perisytiharan

62. (1) Tiap-tiap perisytiharan yang dikehendaki untuk dikemukakan oleh seseorang selain daripada seorang orang kena cukai kepada Ketua Pengarah di bawah seksyen 42 Akta hendaklah dibuat dalam Borang GST -04.

(2) Semua butir-butir yang diminta dalam Borang GST-04 hendaklah dikemukakan oleh seseorang selain daripada seorang orang kena cukai dan hendaklah mengandungi suatu perakuan bahawa perisytiharan itu adalah benar dan lengkap.

Pengemukaan penyata atau perisytiharan

63. (1) Suatu penyata atau perisytiharan yang dibuat di bawah Bahagian ini hendaklah dikemukakan secara kediri, melalui pos atau perkhidmatan elektronik ke Pusat Pemprosesan CBP.

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(2) Suatu penyata atau perisytiharan hendaklah disifatkan telah dikemukakan—

(a) dalam hal penghantarserahan secara kediri, apabila ia diterima oleh Ketua Pengarah;

(b) dalam hal penghantarserahan melalui pos, pada tarikh tanda pos; atau

(c) dalam hal penghantarserahan melalui perkhidmatan elektronik, apabila penyata atau perisytiharan itu telah diterima oleh Ketua Pengarah melalui perkhidmatan elektronik.

Penyata bagi jualan dalam penyelesaian hutang

64. (1) Jika barang disifatkan telah dibekalkan oleh seorang orang kena cukai menurut subperenggan 5(7) Jadual Pertama kepada Akta atau jika barang yang dibekalkan di bawah perjanjian sewa beli atau pajakan diambil balik dan dijual dalam atau bagi penyelesaian suatu hutang, orang yang menjual barang, hendaklah dalam masa dua puluh satu hari dari tarikh akhir bulan yang jualan itu berlaku sama ada atau tidak dia adalah seorang orang kena cukai, mengemukakan kepada orang yang barangnya telah dijual, suatu pernyataan yang menunjukkan—

(a) nama dan alamatnya dan, jika dia ialah orang berdaftar, nombor pengenalannya;

(b) nama, alamat dan nombor pengenalan orang yang barangnya telah dijual itu;

(c) tarikh jualan;

(d) perihalan dan kuantiti barang yang dijual pada setiap kadar cukai; dan

(e) amaun yang baginya barang itu dijual dan amaun cukai yang dikenakan,

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

dan mengemukakan butir-butir orang kena cukai dalam bentuk dan cara sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah dan orang kena cukai yang barangnya telah dijual hendaklah tidak memasukkan dalam apa-apa penyata yang dikemukakan di bawah Peraturan-Peraturan ini cukai yang dikenakan bagi pembekalan barang itu.

(2) Mana-mana orang yang melanggar peraturan ini melakukan suatu kesalahan.

Pembayaran cukai, penalti atau apa-apa caj

65. (1) Apa-apa pembayaran cukai, berkenaan dengan apa-apa penyata atau perisytiharan di bawah seksyen 41 dan 42 Akta, dan apa-apa penalti atau apa-apa caj yang kena dibayar di bawah Akta hendaklah dibuat secara kediri, melalui pos atau secara elektronik kepada Ketua Pengarah.

(2) Cukai, penalti dan caj lain hendaklah disifatkan telah dibayar apabila pembayaran diterima oleh Ketua Pengarah:

Dengan syarat—

(a) jika apa-apa cek, deraf bank, kiriman wang atau wang pos yang diterima oleh Ketua Pengarah dan tidak dibayar semasa penyerahan, amaun tersebut hendaklah disifatkan tidak diterima walau apa pun apa-apa resit diberikan sehingga amaun itu telah dibayar sewajarnya kepada Ketua Pengarah;

(b) jika pembayaran dibuat melalui sesebuah bank, amaun itu hendaklah disifatkan tidak diterima sehingga amaun itu dimasukkan untuk dikreditkan kepada Ketua Pengarah.

(3) Kecuali sebagaimana yang dibenarkan atau diarahkan selainnya oleh Ketua Pengarah, mana-mana orang yang telah ditaksir untuk cukai di bawah seksyen 43 Akta hendaklah, walau apa pun apa-apa bantahan atau rayuan terhadap taksiran itu,

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

membayar cukai yang ditaksir kepada Ketua Pengarah dalam apa-apa masa yang dinyatakan oleh Ketua Pengarah dalam notis taksiran itu.

(4) Mana-mana orang yang melanggar peraturan ini melakukan suatu kesalahan.

Pembayaran cukai atau penalti secara ansuran

66. Apa-apa pembayaran cukai atau penalti secara ansuran di bawah seksyen 51 Akta boleh dibenarkan—

(a) jika pembayaran sedemikian boleh menyebabkan kesusahan kewangan yang tidak berpatutan kepada orang berdaftar; atau

(b) dalam apa-apa hal keadaan lain sebagaimana yang difikirkan patut oleh Ketua Pengarah.

Masa bagi pembayaran balik

67. (1) Jika Ketua Pengarah dikehendaki membuat suatu pembayaran balik di bawah subseksyen 38(3) Akta, dia hendaklah membuat pembayaran balik itu—

(a) dalam tempoh empat belas hari bekerja atau dalam tempoh yang praktik selepas penyata yang berhubungan dengan pembayaran balik itu diterima oleh Ketua Pengarah di bawah seksyen 41 Akta jika orang kena cukai itu yang merupakan seorang pengguna berdaftar mengemukakan penyata itu melalui perkhidmatan elektronik yang diperuntukkan di bawah seksyen 166 Akta; atau

(b) dalam tempoh dua puluh lapan hari bekerja atau dalam tempoh yang praktik selepas penyata yang berhubung dengan pembayaran balik itu diterima oleh Ketua Pengarah di bawah seksyen 41 Akta jika orang kena cukai itu mengemukakan penyata itu selain melalui perkhidmatan elektronik.

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(2) Jika amaun pembayaran balik itu ditahan di bawah subseksyen 38(4) atau 38(5) Akta, Ketua Pengarah hendaklah membuat pembayaran balik dalam tempoh sembilan puluh hari selepas—

(a) orang kena cukai itu mengemukakan penyata; atau

(b) Ketua Pengarah menerima semua maklumat yang diminta olehnya,

dan memotong, jika ada, apa-apa cukai yang genap masa dan kena dibayar, apa-apa penalti yang kena dibayar, apa-apa surcaj yang terakru atau wang lain yang kena dibayar di bawah Akta.

Cara menuntut pembayaran balik cukai

68. (1) Setiap permohonan pembayaran balik cukai di bawah subseksyen 10(4), 17(6), 18(4) atau 57(1) Akta atau subperaturan 38(4), 46(5) atau 71(2) hendaklah dibuat dengan meminda penyata atau perisytiharan yang berhubungan dengan pembayaran balik itu.

(2) Ketua Pengarah boleh mengkehendaki orang yang membuat suatu tuntutan di bawah subperaturan (1) untuk mengemukakan dokumen dan maklumat bagi maksud menentusahkan tuntutan tersebut.

(3) Mana-mana orang yang melanggar peraturan ini melakukan suatu kesalahan.

Pembetulan kesilapan

69. (1) Jika seseorang membuat suatu kesilapan dalam apa-apa penyata atau perisytiharan yang dikemukakan di bawah Akta, dia hendaklah membetulkannya dengan cara dan dalam masa sebagaimana yang dikehendaki oleh pegawai cukai barang dan perkhidmatan.

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(2) Bagi maksud subperaturan (1), apa-apa pembetulan kesilapan dalam apa-apa penyata hendaklah dibuat dalam Borang GST-03 dan apa-apa pembetulan kesilapan dalam apa-apa pengiystiharan hendaklah dibuat dalam Borang GST-04.

(3) Mana-mana orang yang melanggar peraturan ini melakukan suatu kesalahan.

BAHAGIAN X

PELEPASAN HUTANG LAPUK

Tuntutan bagi pelepasan hutang lapuk

70. (1) Seseorang yang berhak membuat suatu tuntutan di bawah subseksyen 58(1) Akta hendaklah membuat tuntutan itu dalam tempoh enam tahun dari masa pembekalan.

(2) Bagi maksud perenggan 58(1)*(a)* Akta, penghutang hendaklah dikira sebagai tidak solven jika orang yang berhak kepada suatu pelepasan hutang lapuk boleh menunjukkan dengan memuaskan hati Ketua Pengarah bahawa—

(a) dalam hal jika si penghutang itu adalah seorang individu, dia dihukum bankrap, suatu surat ikatan atau perkiraan dibuat untuk kepentingan pemiutangnya atau suatu komposisi atau skim perkiraan yang dicadangkan olehnya diluluskan di bawah Akta Kebankrapan 1967[*Akta 360*]; atau

(b) dalam hal jika penghutang adalah suatu syarikat,—

(i) ia diperintahkan oleh mahkamah untuk digulungkan kerana ia tidak mampu membayar hutangnya mengikut pengertian Akta Syarikat 1965[*Akta 125*]; dan

(ii) seorang penerima dilantik dan pernyataan hal ehwal yang dikemukakan kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

menunjukkan bahawa asetnya akan menjadi tidak mencukupi untuk meliputi pembayaran apa-apa dividen berkenaan dengan hutang yang tidak terjamin mahupun menjadi keutamaan.

Cara menuntut pelepasan hutang lapuk

71. (1) Kecuali jika dibenarkan selainnya oleh Ketua Pengarah, orang yang berhak untuk suatu pelepasan hutang lapuk di bawah seksyen 58 Akta hendaklah membuat suatu tuntutan kepada Ketua Pengarah dengan mengisytiharkan amaun pelepasan hutang lapuk yang betul dalam Borang GST-03.

(2) Jika seseorang telah terhenti menjadi orang kena cukai dan dia berhak untuk suatu pelepasan hutang lapuk di bawah seksyen 58 Akta, dia hendaklah membuat suatu tuntutan kepada Ketua Pengarah dalam Borang GST-03.

(3) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (1) ini melakukan suatu kesalahan.

Cara membuat pembayaran semula

72. (1) Apabila seseorang membuat suatu pembayaran semula di bawah subseksyen 58(3) Akta, dia hendaklah berbuat demikian–

(a) dalam hal seorang orang kena cukai, dengan memasukkan amaun yang kena dibayar semula kepada Ketua Pengarah dalam penyatanya dalam tempoh bercukai yang dia menerima pembayaran cukai daripada pelanggan; dan

(b) dalam hal seseorang yang telah terhenti menjadi orang kena cukai, dengan memasukkan amaun yang kena dibayar semula kepada Ketua Pengarah dalam penyatanya dalam tempoh bercukai terakhir yang dia berdaftar.

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(2) Mana-mana orang yang melanggar peraturan ini melakukan suatu kesalahan.

Keterangan dikehendaki bagi menyokong tuntutan

73. (1) Mana-mana orang yang berhak untuk suatu pelepasan hutang lapuk di bawah seksyen 58 Akta hendaklah memegang berkenaan dengan setiap pembekalan yang relevan—

(a) satu salinan apa-apa invois cukai yang dikeluarkan mengikut Bahagian IV atau jika tiada kewajipan untuk mengeluarkan suatu invois cukai, suatu dokumen yang menunjukkan masa, sifat, pembeli dan balasan pembekalan;

(b) rekod atau apa-apa dokumen lain yang menunjukkan bahawa dia telah mengakaunkan dan membayar cukai;

(c) rekod atau apa-apa dokumen lain yang menunjukkan bahawa balasan masih belum diterima; dan

(d) rekod atau apa-apa dokumen lain yang menunjukkan bahawa usaha yang mencukupi telah dibuat olehnya untuk mendapatkan balik hutang itu.

(2) Mana-mana orang yang melanggar peraturan ini melakukan suatu kesalahan.

Rekod

74. (1) Mana-mana orang yang membuat suatu tuntutan pelepasan hutang lapuk di bawah seksyen 58 Akta kepada Ketua Pengarah hendaklah menyimpan suatu rekod berkenaan dengan tuntutan itu.

(2) Kecuali sebagaimana yang dibenarkan selainnya oleh Ketua Pengarah, rekod yang disebut dalam subperaturan (1) hendaklah mengandungi maklumat yang

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

berikut berkenaan dengan setiap tuntutan yang dibuat:

(a) berkenaan dengan setiap pembekalan yang berkenaan bagi tuntutan itu–

(i) nama dan alamat penghutang;

(ii) amaun cukai yang dikenakan;

(iii) tempoh bercukai yang cukai yang dikenakan telah diakaunkan dan telah dibayar kepada Ketua Pengarah;

(iv) tarikh dan nombor invois yang dikeluarkan; dan

(v) apa-apa pembayaran yang diterima;

(b) amaun tertunggak yang berhubungan dengan tuntutan;

(c) amaun tuntutan; dan

(d) tempoh bercukai yang tuntutan itu dibuat.

(3) Apa-apa rekod yang dibuat menurut peraturan ini hendaklah disimpan dalam suatu akaun tunggal yang dikenali sebagai "akaun pembayaran balik bagi hutang lapuk".

BAHAGIAN XI
PELEPASAN BAGI BARANG TERPAKAI

Tafsiran

75. Dalam Bahagian ini—

"orang diluluskan" ertinya mana-mana orang kena cukai yang diluluskan oleh Ketua Pengarah untuk mendapat pengurangan apa-apa cukai yang dikenakan ke atas

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

apa-apa pembekalan barang yang ditetapkan di bawah seksyen 59 Akta;

"kenderaan bermotor" ertinya apa-apa kenderaan yang diniatkan atau disesuaikan bagi penggunaan di atas jalan awam dan didaftarkan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 [*Akta 333*].

Pelepasan bagi barang terpakai

76. Barang yang layak bagi suatu pengurangan cukai yang dikenakan ke atas apa-apa pembekalan di bawah seksyen 59 Akta ialah kenderaan bermotor terpakai yang dibekalkan oleh seorang orang diluluskan.

Permohonan bagi pelepasan barang terpakai

77. (1) Tertakluk kepada subperaturan (2), seorang orang kena cukai adalah layak untuk memohon kepada Ketua Pengarah bagi mengurangkan apa-apa cukai yang dikenakan ke atas apa-apa pembekalan barang yang ditetapkan jika dia–

(a) berdaftar di bawah seksyen 20 Akta; dan

(b) menjalankan perniagaan membeli dan menjual kenderaan bermotor terpakai yang dilesenkan di bawah Akta Peniaga Sekendhend 1946.

(2) Seorang orang kena cukai yang membuat suatu permohonan di bawah subperaturan (1) hendaklah tertakluk kepada syarat yang berikut:

(a) dia mesti memperoleh suatu lesen pengendalian yang dikeluarkan oleh majlis atau pihak berkuasa tempatan yang berkenaan;

(b) dia telah melaksanakan dan mematuhi semua kewajipan dan tanggungjawab yang berhubungan dengan tanggungannya untuk mengakaunkan dan membayar cukai itu sebagaimana yang ditetapkan di bawah Akta; dan

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(c) dia tidak, dalam tiga tahun sebelum tarikh permohonannya bagi kelulusan—

(i) disabitkan dengan apa-apa kesalahan di bawah Akta; atau

(ii) menerima apa-apa tawaran kompaun di bawah Akta.

(3) Tiap-tiap permohonan bagi kelulusan di bawah subperaturan (1) hendaklah dibuat dalam bentuk dan mengikut cara yang ditentukan oleh Ketua Pengarah dan hendaklah dikemukakan kepada mana-mana pegawai cukai barang dan perkhidmatan di Pusat Pemprosesan CBP.

(4) Ketua Pengarah boleh meluluskan atau menolak apa-apa permohonan yang dibuat di bawah subperaturan (1) jika difikirkannya patut bagi perlindungan hasil.

Perubahan, penggantungan dan pembatalan kelulusan

78. (1) Ketua Pengarah boleh, pada bila-bila masa, melalui notis secara bertulis mengubah syarat atau menggantung atau membatalkan apa-apa kelulusan yang diberikan di bawah peraturan 77 jika dia berpuas hati bahawa orang diluluskan—

(a) telah mengemukakan apa-apa perisytiharan atau maklumat yang palsu, mengelirukan atau tidak tepat dalam permohonannya;

(b) tidak mematuhi apa-apa syarat yang ditetapkan yang dikenakan di bawah subperaturan 77(2); atau

(c) telah membuat suatu permohonan secara bertulis bagi pembatalan.

(2) Jika apa-apa kelulusan dibatalkan di bawah subperaturan (1), peruntukan Akta akan terpakai sewajarnya.

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

BAHAGIAN XII

SKIM PEMBAYARAN BALIK PELANCONG

Tafsiran

79. Dalam Bahagian ini—

"ejen pembayaran balik diluluskan" ertinya mana-mana ejen yang dilantik oleh Menteri untuk membayar balik cukai kepada seorang pelancong di bawah Skim Bayar Balik Pelancong (yang disebut dalam Bahagian ini sebagai SBBP);

"kedai yang diluluskan" ertinya mana-mana establismen perniagaan yang dikendalikan oleh seorang orang berdaftar dan dilantik oleh ejen pembayaran balik diluluskan untuk maksud SBBP.

Syarat bagi pembayaran balik cukai

80. Seorang pelancong berhak kepada pembayaran balik cukai di bawah SBBP jika dia memenuhi syarat yang berikut:

(a) dia bukan warganegara mahu pun penduduk tetap Malaysia dan memegang suatu pasport antarabangsa yang sah;

(b) dia seorang diplomat asing yang meninggalkan negara ini selepas menyelesaikan perkhidmatan di Malaysia dan memiliki suatu dokumen daripada perwakilan asing atau misi konsulat yang menyatakan bahawa dia akan meninggalkan Malaysia;

(c) dia bukan anak kapal pesawat yang dengannya dia akan meninggalkan Malaysia;

(d) dia meninggalkan Malaysia melalui jalan pengangkutan udara;

(e) dia membeli barang dalam masa tiga bulan sebelum tarikh berlepas;

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(f) dia tidak, dalam masa tiga bulan sebaik sebelum tarikh pembelian barang itu, pada bila-bila masa diambil kerja di Malaysia;

(g) dia membelanjakan tiga ratus ringgit atau lebih di kedai yang diluluskan yang sama; dan

(h) barang akan dibawa keluar dari Malaysia ke negara lain sebagai bagasi yang dibawa bersama atau tidak dibawa bersama.

Cara menuntut pembayaran balik cukai

81. Seorang pelancong yang menuntut pembayaran balik cukai di bawah seksyen 61 Akta hendaklah memenuhi kehendak yang berikut:

(a) tuntutan itu dibuat dalam borang permohonan pembayaran balik sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah;

(b) barang itu diserahkan kepada pegawai kastam untuk penentusahan di lapangan terbang Malaysia seperti di Jadual Kedua bersama dengan borang permohonan bayaran balik, invois cukai, pasport dan tiket penerbangan atau pas berlepas sebelum meninggalkan Malaysia;

(c) selepas borang permohonan diendors oleh pegawai kastam, pelancong itu tidak boleh berpisah daripada milikan barang itu atau memberinya kepada orang lain kecuali kepada pekerja kaunter untuk pendaftaran masuk;

(d) barang itu tidak boleh dibawa keluar dari premis lapangan terbang Malaysia seperti di Jadual Kedua selepas borang permohonan pembayaran balik diendors oleh pegawai kastam melainkan jika diluluskan selainnya oleh pegawai kanan kastam seperti ditakrifkan di bawah Akta Kastam 1967;

(e) permohonan yang telah diendors oleh pegawai kastam hendaklah

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

dikemukakan kepada ejen pembayaran balik diluluskan sama ada secara kediri di balai berlepas lapangan terbang Malaysia seperti di Jadual Kedua atau melalui pos dalam tempoh dua bulan daripada tarikh pengendorsan; dan

(f) pembayaran balik itu boleh dibuat—

(i) secara tunai jika amaun pembayaran balik tidak melebihi tiga ratus ringgit;

(ii) dengan cek; atau

(iii) melalui bank atau akaun kad kredit.

Kedai yang diluluskan

82. Seorang orang kena cukai boleh mengendalikan suatu kedai yang diluluskan bagi maksud SBBP tertakluk kepada syarat yang berikut:

(a) dia hendaklah didaftarkan di bawah seksyen 20 Akta;

(b) dia hendaklah dilantik oleh suatu ejen pembayaran balik diluluskan;

(c) dia tidak sepenuhnya menjual minuman keras, tembakau, produk tembakau, logam berharga atau batu permata;

(d) dia hendaklah mengakaunkan cukai dalam tempoh bercukai bulanan; dan

(e) dia ialah seorang pengguna berdaftar perkhidmatan elektronik di bawah peraturan 106.

Ejen pembayaran balik diluluskan

83. (1) Ejen pembayaran balik diluluskan boleh membuat suatu tuntutan pembayaran balik cukai di bawah seksyen 61 Akta kepada Ketua Pengarah dan tuntutan

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

itu hendaklah dibuat dalam bentuk dan mengikut cara yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(2) Jika Ketua Pengarah berpuas hati bahawa suatu pembayaran balik telah dibuat oleh ejen pembayaran balik diluluskan di bawah seksyen 61 Akta, Ketua Pengarah boleh membuat suatu pembayaran kepada ejen itu dengan syarat dia boleh mengemukakan dokumen sebagaimana yang dikehendaki oleh Ketua Pengarah bagi maksud menyokong apa-apa tuntutan untuk pembayaran kepadanya di bawah peraturan ini.

(3) Jika Ketua Pengarah telah membuat pembayaran di bawah subperaturan (2) dan ejen pembayaran balik diluluskan itu tidak mematuhi apa-apa kehendak SBBP dia hendaklah membayar amaun pembayaran yang berhubungan dengan ketidakpatuhan itu kepada Ketua Pengarah.

(4) Jika ejen pembayaran balik diluluskan tidak mematuhi syarat sebagaimana yang dikenakan oleh Menteri, Menteri boleh menggantung atau membatalkan pelantikan yang diberikan sebagaimana yang difikirkannya patut.

(5) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (3) melakukan suatu kesalahan.

Barang tidak layak bagi pembayaran balik

84. Barang yang berikut tidak layak bagi pembayaran balik di bawah SBBP:

(a) wain, spirit, bir dan minuman keras malta;

(b) tembakau dan hasil tembakau;

(c) logam berharga dan batu permata;

(d) barang yang keseluruhannya atau sebahagiannya digunakan di Malaysia;

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(e) barang yang dilarang secara mutlak dari dieksport di bawah mana-mana undang-undang bertulis; dan

(f) barang yang tidak dibawa keluar sebagai bagasi yang dibawa bersama atau tidak dibawa bersama.

Kesalahan

85. (1) Mana-mana orang yang tidak berhak bagi pembayaran balik di bawah SBBP yang dengan diketahuinya memiliki, memperoleh atau berurusan dengan apa-apa barang yang borang permohonan pembayaran balik berkenaan dengan barang itu telah diendors di bawah perenggan 81(1)*(b)* adalah melakukan suatu kesalahan.

(2) Mana-mana pelancong yang tanpa alasan yang munasabah membawa apa-apa barang keluar daripada premis lapangan terbang Malaysia seperti di Jadual Kedua, selepas borang permohonan yang berkaitan dengan barang itu telah diendors oleh pegawai kastam adalah melakukan satu kesalahan.

(3) Subperaturan (1) dan (2) tidak terpakai jika—

(a) seorang pegawai tiket atau bagasi atau pekerja lain, yang diberi kuasa oleh Jabatan Penerbangan Awam atau syarikat penerbangan atau operator terminal udara yang berkenaan, menerima bagasi untuk pendaftaran masuk atau mengendalikan bagasi itu bagi maksud memuatkannya ke dalam pesawat; atau

(b) pelancong itu membawa barang itu sebagai bagasi yang dibawanya bersama untuk menaiki pesawat yang akan berlepas.

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

BAHAGIAN XIII

USAHA SAMA

Permohonan bagi kelulusan

86. (1) Permohonan di bawah seksyen 69 Akta hendaklah dibuat dalam bentuk dan mengikut cara sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(2) Jika mana-mana usaha sama telah diluluskan, suatu permohonan oleh pengendali usaha hendaklah dibuat kepada Ketua Pengarah berkenaan dengan—

(a) apa-apa tambahan orang berdaftar untuk menjadi pengusaha dalam usaha sama itu;

(b) seorang pengusaha dikeluarkan daripada usaha sama itu;

(c) seorang pengendali usaha baru akan digantikan sebagai pengendali usaha bagi usaha sama itu; atau

(d) pembatalan pendaftaran usaha sama itu.

(3) Suatu permohonan di bawah subperaturan (1) hendaklah dibuat tidak kurang daripada sembilan puluh hari sebelum tarikh ia berkuat kuasa, atau apa-apa masa terkemudian sebagaimana yang dibenarkan oleh Ketua Pengarah.

(4) Suatu permohonan di bawah subperaturan (2) hendaklah dibuat tidak kurang daripada tiga puluh hari sebelum tarikh hal keadaan yang disebut dalam perenggan *(a)* hingga *(d)* akan berkuat kuasa.

(5) Ketua Pengarah boleh—

(a) meluluskan apa-apa permohonan yang dibuat di bawah subperaturan (1) atau (2) dan mengenakan apa-apa syarat yang difikirkannya patut;

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(b) menolak apa-apa permohonan yang dibuat di bawah subperaturan (1) atau (2) jika difikirkannya patut bagi perlindungan hasil;

(c) melalui notis secara bertulis yang diberikan kepada seorang orang berdaftar, menamatkan layanan orang berdaftar itu sebagai pengusaha suatu usaha sama daripada apa-apa tarikh yang dinyatakan dalam notis itu jika dia berpuas hati bahawa orang berdaftar itu telah terhenti daripada mengambil bahagian dalam suatu aktiviti yang berhubungan dengan petroleum di bawah suatu usaha sama; atau

(d) melalui notis secara bertulis yang diberikan kepada usaha sama, membatalkan pendaftaran suatu usaha sama dari tarikh yang dinyatakan dalam notis itu jika dia berpuas hati bahawa usaha sama itu—

(i) tidak mematuhi apa-apa syarat atau kehendak yang dikenakan oleh Ketua Pengarah di bawah seksyen 69 Akta; atau

(ii) mengemukakan apa-apa perisytiharan atau maklumat yang palsu, mengelirukan atau tidak tepat dalam permohonannya di bawah subperaturan (1) atau (2).

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

BAHAGIAN XIV

SKIM PEDAGANG DILULUSKAN

Tafsiran

87. Dalam Bahagian ini—

"orang diluluskan" ertinya mana-mana orang kena cukai yang diberikan kelulusan oleh Ketua Pengarah di bawah Skim Pedagang Diluluskan di bawah seksyen 71 Akta.

Permohonan bagi kelulusan

88. (1) Seorang orang kena cukai adalah layak untuk membuat suatu permohonan kepada Ketua Pengarah untuk diluluskan di bawah seksyen 71 Akta jika dia adalah seorang orang berdaftar di bawah seksyen 20 Akta dan—

(a) dia dilesenkan di bawah seksyen 65A Akta Kastam 1967;

(b) dia beroperasi dalam suatu zon perindustrian bebas di bawah perenggan 10(1)*(b)* Akta Zon Bebas 1990 [*Akta 438*];

(c) dia telah diluluskan oleh Ketua Pengarah Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia sebagai pusat perolehan antarabangsa atau sebagai pusat pengedaran serantau;

(d) dia mempunyai perolehan jualan tahunan melebihi dua puluh lima juta ringgit dan membuat sekurang-kurangnya lapan puluh peratus pembekalan berkadar sifar;

(e) dia merupakan seorang pengilang tol selain daripada seorang penerima di bawah Skim Pengilang Tol Diluluskan di bawah seksyen 72 Akta;

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(f) dia ialah tukang emas diluluskan di bawah Skim Tukang Emas Diluluskan di bawah seksyen 73 Akta; atau

(g) dia ialah seorang atau suatu golongan orang sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri.

(2) Seorang orang kena cukai yang membuat suatu permohonan di bawah subperaturan (1) hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat yang berikut:

(a) dia hendaklah membuat pembekalan bercukai secara keseluruhannya;

(b) dia hendaklah mengakaunkan cukai dalam tempoh bercukai bulanan;

(c) dia ialah seorang pengguna berdaftar perkhidmatan elektronik di bawah peraturan 106;

(d) dia membuat perisytiharan bagi pengimportan barang secara elektronik;

(e) dia telah melaksanakan dan mematuhi semua kewajipan dan tanggungjawab yang berhubungan dengan tanggungannya untuk mengakaunkan dan membayar cukai sebagaimana yang ditetapkan di bawah Akta; dan

(f) sistem pengakaunan dan kawalan dalamannya berupaya memenuhi standard pengakaunan dan pengauditan sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(3) Tiap-tiap permohonan untuk kelulusan di bawah subperaturan (1) hendaklah dibuat dalam bentuk dan mengikut cara sebagaimana yang ditentukan oleh

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

Ketua Pengarah dan hendaklah dikemukakan kepada pegawai cukai barang dan perkhidmatan di Pusat Pemprosesan CBP.

(4) Ketua Pengarah boleh, meluluskan atau menolak apa-apa permohonan yang dibuat di bawah subperaturan (1), dan boleh, apabila diluluskan, mengenakan apa-apa syarat sebagaimana yang difikirkannya patut dan menghendaki pemohon mengemukakan jaminan dalam apa-apa bentuk dan amaun bagi perlindungan hasil.

(5) Apa-apa kelulusan yang diberikan di bawah subperaturan (4) hendaklah tertakluk kepada apa-apa tempoh dan pembaharuan tempoh sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(6) Seorang orang diluluskan hendaklah dengan serta merta memberitahu Ketua Pengarah apa-apa perubahan pada butir-butir yang dikemukakan, transaksi perniagaan atau jaminan yang diberikan.

(7) Jika orang diluluskan itu tidak mematuhi syarat yang dikenakan di bawah peraturan ini, dia—

(a) tidak berhak untuk menggantung pembayaran cukai di bawah skim ini; dan

(b) hendaklah membayar amaun cukai yang dikenakan ke atas pengimportan yang berhubungan dengan ketidakpatuhan itu.

Barang tidak layak bagi penggantungan pembayaran cukai

89. Barang yang berikut tidak layak bagi penggantungan pembayaran cukai di bawah skim ini:

(a) wain, spirit, bir and minuman keras malta;

(b) tembakau dan hasil tembakau; dan

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(c) apa-apa barang yang kredit bagi cukai input yang ditanggung tidak dibenarkan di bawah peraturan 36.

Perubahan, penggantungan dan pembatalan kelulusan

90. (1) Ketua Pengarah boleh, pada bila-bila masa, melalui notis secara bertulis mengubah syarat atau menggantung atau membatalkan apa-apa kelulusan yang diberikan di bawah peraturan 88, jika dia berpuas hati bahawa orang diluluskan itu —

(a) mengemukakan apa-apa perisytiharan atau maklumat yang palsu, mengelirukan atau tidak tepat dalam permohonannya di bawah peraturan 88;

(b) pada bila-bila masa terhenti daripada memenuhi apa-apa syarat bagi kelayakan di bawah peraturan 88; atau

(c) tidak mematuhi apa-apa syarat yang dikenakan di bawah peraturan 88.

(2) Ketua Pengarah boleh, melalui notis secara bertulis, mengubah syarat atau membatalkan apa-apa kelulusan yang diberikan di bawah peraturan 88 apabila terdapat permintaan secara bertulis oleh orang diluluskan.

BAHAGIAN XV

SKIM PENGILANG TOL DILULUSKAN

Permohonan bagi kelulusan

91. (1) Seorang orang kena cukai adalah layak untuk membuat suatu permohonan kepada Ketua Pengarah di bawah seksyen 72 Akta jika dia ialah seorang orang berdaftar di bawah seksyen 20 Akta dan dia memuaskan hati Ketua Pengarah bahawa—

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(a) nilai pembekalan yang mengandungi perawatan atau pemprosesan barang bagi dan kepada seseorang yang tempatnya di suatu negara selain Malaysia ialah dua juta ringgit atau lebih setahun; dan

(b) dia hendaklah mengeksport sekurang-kurangnya lapan puluh peratus barang siap itu.

(2) Seorang orang kena cukai yang membuat suatu permohonan di bawah subperaturan (1) hendaklah tertakluk kepada syarat yang berikut:

(a) dia hendaklah mengakaunkan cukai dalam tempoh bercukai bulanan;

(b) dia ialah seorang pengguna berdaftar perkhidmatan elektronik di bawah peraturan 106;

(c) dia telah melaksanakan dan mematuhi semua kewajipan dan tanggungjawab yang berhubungan dengan tanggungannya untuk mengakaunkan dan membayar cukai sebagaimana yang ditetapkan di bawah Akta; dan

(d) sistem pengakaunan dan kawalan dalamannya berupaya memenuhi standard pengakaunan dan pengauditan sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(3) Mana-mana orang yang disebut dalam subseksyen 72(2) Akta, hendaklah membuat suatu permohonan secara bersesama dengan orang kena cukai yang disebut dalam peraturan ini, dalam apa-apa bentuk dan mengikut apa-apa cara sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah, bagi kelulusan untuk menerima barang yang dibekalkan di bawah Skim Pengilang Tol Diluluskan.

(4) Tiap-tiap permohonan bagi kelulusan di bawah subperaturan (1) hendaklah dibuat dalam apa-apa bentuk dan mengikut apa-apa cara sebagaimana yang

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

ditentukan oleh Ketua Pengarah dan hendaklah dikemukakan kepada pegawai cukai barang dan perkhidmatan di Pusat Pemprosesan CBP.

(5) Ketua Pengarah boleh, meluluskan atau menolak apa-apa permohonan yang dibuat di bawah subperaturan (1) atau (3), dan boleh, apabila diluluskan, mengenakan apa-apa syarat sebagaimana yang difikirkannya patut dan menghendaki pemohon mengemukakan jaminan dalam apa-apa bentuk dan amaun bagi perlindungan hasil.

(6) Apa-apa kelulusan yang diberikan di bawah subperaturan (5) hendaklah tertakluk kepada apa-apa tempoh dan pembaharuan tempoh sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(7) Seorang pengilang tol hendaklah dengan serta-merta memberitahu Ketua Pengarah apa-apa perubahan pada butir-butir yang dikemukakan, transaksi perniagaan atau jaminan yang diberikan.

(8) Jika pengilang tol tidak mematuhi syarat yang dikenakan di bawah peraturan ini, dia hendaklah—

(a) membayar kepada Ketua Pengarah amaun cukai ke atas nilai pembekalan yang berhubungan dengan ketidakpatuhan itu; dan

(b) memasukkan amaun cukai ke atas nilai pembekalan yang dia dikehendaki untuk membayar di bawah perenggan *(a)* sebagai cukai output dalam tempoh bercukainya yang berikutnya.

Perubahan, penggantungan dan pembatalan kelulusan

92. (1) Ketua Pengarah boleh, pada bila-bila masa, melalui notis secara bertulis mengubah syarat atau menggantung atau membatalkan apa-apa kelulusan yang diberikan di bawah peraturan 91, jika dia berpuas hati bahawa pengilang tol itu—

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(a) mengemukakan apa-apa perisytiharan atau maklumat yang palsu, mengelirukan atau tidak tepat dalam permohonannya di bawah peraturan 91;

(b) pada bila-bila masa terhenti daripada memenuhi apa-apa kehendak bagi kelayakan di bawah peraturan 91; atau

(c) tidak mematuhi apa-apa syarat yang dikenakan di bawah peraturan 91;

(2) Ketua Pengarah boleh, melalui notis secara bertulis, mengubah syarat atau membatalkan apa-apa kelulusan yang diberikan di bawah peraturan 91 apabila terdapat permintaan secara bertulis oleh pengilang tol.

BAHAGIAN XVI

SKIM TUKANG EMAS DILULUSKAN

Tafsiran

93. Dalam Bahagian ini, "pembekalan barang yang ditetapkan" ertinya suatu pembekalan—

(a) emas yang mengandungi sekurang-kurangnya 99.5% ketulenan;

(b) perak yang mengandungi sekurang-kurangnya 99.9% ketulenan; atau

(c) platinum yang mengandungi sekurang-kurangnya 99.9% ketulenan.

Permohonan bagi kelulusan

94. (1) Seorang orang kena cukai adalah layak untuk membuat suatu permohonan kepada Ketua Pengarah, tertakluk kepada syarat sebagaimana yang dinyatakan dalam subperaturan (3), untuk menjadi tukang emas diluluskan di bawah seksyen 73 Akta jika dia ialah seorang orang berdaftar dan dia memuaskan hati Ketua Pengarah bahawa perolehan barangnya sebagaimana yang dinyatakan di bawah

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

peraturan 93 adalah semata-mata untuk pengilangan barang kemas dalam penjalanan atau penerusan perniagaannya.

(2) Seorang orang kena cukai yang membuat suatu permohonan di bawah subperaturan (1) hendaklah tertakluk kepada syarat yang berikut:

(a) dia hendaklah mengakaunkan cukai dalam tempoh bercukai bulanan;

(b) dia ialah seorang pengguna berdaftar perkhidmatan elektronik di bawah peraturan 106;

(c) dia telah melaksanakan dan mematuhi semua kewajipan dan tanggungjawab yang berhubungan dengan tanggungannya untuk mengakaunkan dan membayar cukai sebagaimana yang ditetapkan di bawah Akta; dan

(d) sistem pengakaunan dan kawalan dalamannya berupaya memenuhi standard pengakaunan dan pengauditan sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(3) Tiap-tiap permohonan bagi kelulusan di bawah subperaturan (1) hendaklah dibuat dalam bentuk dan mengikut cara sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah dan hendaklah dikemukakan kepada pegawai cukai barang dan perkhidmatan di Pusat Pemprosesan CBP.

(4) Ketua Pengarah boleh meluluskan atau menolak apa-apa permohonan yang dibuat di bawah subperaturan (1) dan boleh, apabila diluluskan, mengenakan apa-apa syarat yang difikirkannya patut dan menghendaki pemohon mengemukakan jaminan dalam apa-apa bentuk dan amaun bagi perlindungan hasil.

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(5) Apa-apa kelulusan yang telah diberikan di bawah subperaturan (4) hendaklah tertakluk kepada apa-apa tempoh dan pembaharuan tempoh sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(6) Seorang tukang emas diluluskan hendaklah dengan serta-merta memberitahu Ketua Pengarah apa-apa perubahan pada butir-butir yang dikemukakan, transaksi perniagaan atau jaminan yang diberikan.

(7) Jika tukang emas diluluskan itu tidak mematuhi syarat yang dikenakan di bawah peraturan ini, dia hendaklah —

(a) membayar kepada Ketua Pengarah amaun cukai ke atas nilai pembekalan yang berhubungan dengan ketidakpatuhan itu; dan

(b) memasukkan amaun cukai ke atas nilai pembekalan yang dia dikehendaki untuk membayar di bawah perenggan *(a)* sebagai cukai output dalam tempoh bercukainya yang berikutnya.

Pengeluaran invois cukai

95. (1) Bagi maksud subseksyen 73(2) Akta dan tertakluk kepada subperaturan (2), orang kena cukai yang membuat suatu pembekalan barang yang ditetapkan kepada seorang tukang emas diluluskan hendaklah mengeluarkan suatu invois cukai.

(2) Suatu invois cukai yang dikeluarkan di bawah subperaturan (1) hendaklah mengandungi—

(a) butir-butir sebagaimana yang dinyatakan di bawah peraturan 22; dan

(b) pernyataan yang berikut:

"Pembeli sebagaimana yang dinyatakan dalam invois ini hendaklah mengakaunkan cukai output bagi pembekalan

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

kepada Ketua Pengarah mengikut seksyen 73 Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014."

(3) Mana-mana orang yang melanggar peraturan ini melakukan suatu kesalahan.

Perubahan, penggantungan dan pembatalan kelulusan

96. (1) Ketua Pengarah boleh, pada bila-bila masa, melalui notis secara bertulis mengubah syarat, atau menggantung atau membatalkan apa-apa kelulusan yang diberikan di bawah peraturan 94, jika dia berpuas hati bahawa tukang emas diluluskan itu—

(a) mengemukakan apa-apa perisytiharan atau maklumat yang palsu, mengelirukan atau tidak tepat dalam permohonannya di bawah peraturan 94;

(b) pada bila-bila masa, terhenti daripada memenuhi apa-apa kehendak bagi kelayakan di bawah peraturan 94; atau

(c) tidak mematuhi apa-apa syarat yang dikenakan di bawah peraturan 94.

(2) Ketua Pengarah boleh, melalui notis secara bertulis, mengubah syarat atau membatalkan apa-apa kelulusan yang diberikan di bawah peraturan 94 apabila terdapat permintaan secara bertulis oleh tukang emas diluluskan.

BAHAGIAN XVII

SKIM KADAR RATA

Permohonan bagi kelulusan

97. (1) Mana-mana orang adalah layak untuk membuat suatu permohonan kepada Ketua Pengarah untuk diluluskan di bawah seksyen 74 Akta jika dia memenuhi syarat yang berikut:

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(a) dia bukan seorang orang berdaftar;

(b) dia adalah seorang anggota suatu persatuan atau badan yang dikawal selia oleh pihak berkuasa yang berkenaan sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga;

(c) dia adalah seorang yang menjalankan suatu perniagaan yang melibatkan mana-mana aktiviti yang berikut:

(i) penanaman tanaman, pekebunan pasar dan hortikultur;

(ii) penternakan; atau

(iii) perikanan termasuk akuakultur;

(d) sekurang-kurangnya lapan puluh peratus daripada jumlah pembekalan barangnya dalam setahun melibatkan satu atau lebih aktiviti sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan *(c)*; dan

(e) dia tidak, dalam tempoh tiga tahun sebelum tarikh permohonannya untuk kelulusan,—

(i) disabitkan atas apa-apa kesalahan di bawah Akta;

(ii) menerima apa-apa tawaran kompaun; atau

(iii) mempunyai apa-apa kelulusan yang pernah diberikan kepadanya dibatalkan di bawah peraturan 101.

(2) Setiap permohonan di bawah subperaturan (1) hendaklah dibuat—

(a) dalam hal suatu pertubuhan perbadanan, oleh seorang pengarah;

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(b) dalam hal suatu pertubuhan bukan perbadanan, oleh seorang pemilik, seorang pemegang jawatan utama atau seorang pemegang amanah; atau

(c) dalam hal suatu perkongsian, oleh seorang rakan kongsi yang diberi kuasa.

(3) Tiap-tiap permohonan bagi kelulusan di bawah subperaturan (1) hendaklah dibuat dalam bentuk dan mengikut cara yang ditentukan oleh Ketua Pengarah dan hendaklah dikemukakan kepada seorang pegawai cukai barang dan perkhidmatan di Pusat Pemprosesan CBP.

(4) Ketua Pengarah boleh meluluskan atau menolak apa-apa permohonan yang dibuat di bawah subperaturan (1) dan boleh, apabila diluluskan, mengenakan syarat sebagaimana yang ditentukannya.

(5) Apa-apa kelulusan yang diberikan di bawah subperaturan (4) hendaklah tertakluk kepada apa-apa tempoh dan pembaharuan tempoh sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(6) Seorang orang diluluskan hendaklah dengan serta-merta memberitahu Ketua Pengarah apa-apa perubahan pada butir-butir atau transaksi perniagaan yang telah dikemukakan.

(7) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (6) melakukan suatu kesalahan.

Pengeluaran invois

98. (1) Seorang orang diluluskan di bawah Skim Kadar Rata hendaklah mengeluarkan suatu invois ke atas pembekalan barang bercukai yang dibuat olehnya kepada orang berdaftar dalam penjalanan atau penerusan perniagaannya yang berhubungan dengan aktiviti sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 97(1)*(c).*

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(2) Kecuali sebagaimana yang dibenarkan selainnya oleh Ketua Pengarah, seorang orang diluluskan hendaklah menyatakan dalam invois yang dikeluarkan di bawah subperaturan (1) butir-butir yang berikut:

(a) nombor siri invois,

(b) tarikh invois;

(c) nama, alamat dan nombor pengenalan orang diluluskan;

(d) nama, alamat dan nombor pengenalan orang berdaftar yang kepadanya barang dibekalkan;

(e) perihalan barang yang dibekalkan; dan

(f) jumlah amaun yang kena dibayar tidak termasuk tambahan kadar rata, kadar bagi tambahan kadar rata dan jumlah amaun tambahan kadar rata yang ditunjukkan secara berasingan.

(3) Walau apa pun subperaturan (1), Ketua Pengarah boleh, atas permohonan oleh seorang orang berdaftar, membenarkannya untuk mengeluarkan kepadanya suatu invois berhubung dengan suatu pembekalan yang dibuat oleh seorang orang diluluskan tertakluk kepada syarat yang berikut:

(a) nilai tidak diketahui oleh orang diluluskan pada masa pembekalan dibuat;

(b) orang berdaftar dan orang diluluskan bersetuju secara bertulis bahawa orang diluluskan tidak akan mengeluarkan suatu invois berkenaan dengan apa-apa pembekalan yang baginya peraturan ini terpakai;

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(c) orang berdaftar hendaklah mengeluarkan suatu invois yang menunjukkan butir-butir yang dinyatakan dalam subperaturan (2);

(d) satu salinan invois diberikan kepada orang diluluskan dan salinan asal disimpan oleh orang berdaftar;

(e) orang diluluskan hendaklah memberitahu orang berdaftar jika dia berhenti menjalankan perniagaan, memindahkan perniagaannya sebagai suatu usaha berterusan atau menjadi seorang orang berdaftar;

(f) dalam hal jika invois dikeluarkan sebelum pembekalan dibuat, invois itu hendaklah dikeluarkan dengan pembayaran; dan

(g) apa-apa syarat lain sebagaimana yang Ketua Pengarah fikirkan patut untuk dikenakan.

(4) Seorang orang diluluskan hendaklah mengemukakan penyata jualan tahunan atau apabila diarahkan Ketua Pengarah.

(5) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (2) atau (4) melakukan suatu kesalahan.

Tambahan Kadar Rata

99. Kadar bagi Tambahan Kadar Rata hendaklah dua peratus.

Insolvensi, kematian, kebankrapan dan ketidakupayaan orang diluluskan

100. Jika seorang orang diluluskan meninggal dunia atau menjadi tidak solven, bankrap atau tidak upaya, Ketua Pengarah boleh, dari tarikh orang diluluskan itu meninggal dunia atau menjadi tidak solven, bankrap atau tidak upaya, menganggap mana-mana orang yang menjalankan aktiviti yang dinyatakan dalam perenggan 97(1)*(c)* sebagai orang diluluskan sehingga orang lain diluluskan berkenaan dengan

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

aktiviti yang dinyatakan dalam perenggan 97(1)*(c)* atau ketidakupayaan itu terhenti, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan peruntukan Akta dan apa-apa peraturan yang dibuat di bawahnya hendaklah terpakai bagi mana-mana orang yang dianggap sedemikian seolah-olah dia adalah orang diluluskan.

Pembatalan kelulusan

101. (1) Ketua Pengarah boleh melalui notis secara bertulis membatalkan suatu kelulusan yang diberikan di bawah peraturan 97, jika—

(a) dia berpuas hati bahawa orang diluluskan itu telah mengemukakan apa-apa perisytiharan atau maklumat yang palsu, mengelirukan atau tidak tepat dalam permohonannya di bawah peraturan 97;

(b) dia berpuas hati bahawa orang diluluskan itu telah, pada bila-bila masa, terhenti daripada memenuhi apa-apa kehendak bagi kelayakan di bawah peraturan 97;

(c) dia berpuas hati bahawa orang diluluskan itu tidak mematuhi apa-apa syarat yang dikenakan di bawah peraturan 98;

(d) orang diluluskan meninggal dunia, menjadi tidak solven, bankrap atau tidak upaya;

(e) orang diluluskan adalah bertanggungan untuk berdaftar di bawah Bahagian IV Akta; atau

(f) orang diluluskan membuat permohonan secara bertulis untuk pembatalan.

(2) Jika orang diluluskan itu membuat permohonan secara bertulis untuk didaftarkan di bawah seksyen 24 Akta, permohonan itu hendaklah disifatkan sebagai

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

suatu permohonan bagi pembatalan kelulusan Ketua Pengarah berkenaan dengan Skim Kadar Rata yang diberikan kepada orang itu.

(3) Walau apa pun subperaturan (1), Ketua Pengarah boleh membatalkan kelulusan di bawah peraturan 97 jika difikirkannya patut bagi perlindungan hasil.

(4) Sebaik pembatalan di bawah subperaturan (1) atau (3)—

(a) seseorang itu tidak berhak untuk memasukkan tambahan kadar rata dalam balasan bagi pembekalan barang yang dibuat olehnya kepada orang berdaftar dalam penjalanan atau penerusan perniagaannya yang berhubungan dengan aktiviti yang dinyatakan dalam perenggan 97(1)*(c)* bermula dari tarikh pembatalan itu; dan

(b) jika suatu invois dikeluarkan lebih awal untuk penghantaran atau penyediaan barang selepas tarikh pembatalan, orang itu hendaklah mengeluarkan nota kredit kepada orang berdaftar, yang berhubungan dengan pembekalan itu, dengan menyatakan balasan yang kena dibayar bagi pembekalan itu adalah tidak termasuk tambahan kadar rata.

Rekod

102. Tertakluk kepada peraturan 103, seorang orang diluluskan hendaklah menyimpan rekod yang lengkap dan benar bagi semua transaksi yang berhubungan dengan pembekalan di bawah Skim Kadar Rata.

Pengemukaan dokumen

103. (1) Apabila terdapat permintaan yang dibuat oleh Ketua Pengarah, orang diluluskan hendaklah mengemukakan atau menyebabkan dikemukakan apa-apa dokumen, invois dan rekod itu untuk pemeriksaan oleh Ketua Pengarah.

(2) Mana-mana orang yang melanggar peraturan ini melakukan suatu kesalahan.

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

BAHAGIAN XVIII

PASARAN MODAL

Pendaftaran entiti tunggal

104. (1) Suatu permohonan di bawah seksyen 75 Akta hendaklah dibuat dalam Borang GST-01.

(2) Jika suatu pendaftaran sebagai suatu entiti tunggal telah diluluskan di bawah subperaturan (1), ketua anggota boleh membuat suatu permohonan kepada Ketua Pengarah untuk—

(a) memasukkan pemegang Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal yang berurusan dalam sekuriti atau derivatif sebagai seorang anggota suatu entiti tunggal; atau

(b) mengecualikan seorang anggota sedia ada dalam entiti tunggal daripada entiti tunggal itu.

(3) Jika suatu permohonan telah dibuat di bawah subperaturan (1) atau (2), Ketua Pengarah boleh meluluskan permohonan itu dan mengenakan apa-apa syarat sebagaimana yang difikirkannya patut atau menolak permohonan itu jika difikirkannya patut.

(4) Ketua Pengarah boleh, melalui notis yang diberikan kepada ketua anggota, membatalkan pendaftaran entiti tunggal atau memberhentikan seorang anggota daripada entiti tunggal, dari tarikh sebagaimana yang dinyatakan dalam notis itu jika dia berpuas hati bahawa—

(a) ketua anggota atau anggotanya tidak mematuhi apa-apa syarat yang dikenakan oleh Ketua Pengarah di bawah subperaturan (3); atau

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(b) ketua anggota atau anggotanya mengemukakan apa-apa perisytiharan atau maklumat yang palsu, mengelirukan atau tidak tepat dalam permohonannya di bawah subperaturan (1).

(5) Jika pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang berurusan dalam sekuriti atau derivatif telah berhenti menjalankan perniagaan, dia hendaklah memohon secara bertulis kepada Ketua Pengarah untuk membatalkan pendaftaran entiti tunggal dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh pemberhentian itu.

(6) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (5) melakukan suatu kesalahan.

BAHAGIAN XIX

PERKHIDMATAN ELEKTRONIK

Tafsiran

105. Dalam Bahagian ini, "kod pengesahan" ertinya suatu kod pengenalan atau pengenalpastian, suatu kata laluan atau apa-apa kaedah atau prosedur pengesahan yang diberikan oleh Ketua Pengarah kepada mana-mana orang bagi maksud mengenal pasti dan mengesahkan akses kepada dan penggunaan perkhidmatan elektronik oleh orang itu.

Penggunaan perkhidmatan elektronik

106. (1) Ketua Pengarah boleh memberikan kepada mana-mana orang—

(a) suatu kod pengesahan; dan

(b) suatu akaun dengan perkhidmatan elektronik,

untuk menggunakan perkhidmatan elektronik yang disediakan di bawah seksyen 166 Akta tertakluk kepada terma dan syarat sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(2) Mana-mana orang yang diberikan oleh Ketua Pengarah suatu kod pengesahan di bawah subperaturan (1) hendaklah menjadi seorang pengguna berdaftar dan dia—

(a) hendaklah mengaku terima penerimaan kod pengesahan;

(b) hendaklah memastikan kod pengesahannya dirahsiakan; dan

(c) hendaklah tidak mendedahkan kod pengesahannya kepada mana-mana orang yang tidak diberi kuasa.

(3) Suatu notis elektronik yang dibuat dan dihantar di bawah Akta oleh seorang pengguna berdaftar hendaklah disifatkan telah memenuhi kehendak untuk pemfailan, pengemukaan atau penyerahan jika notis tersebut dihantar kepada Ketua Pengarah dengan cara sebagaimana yang ditentukan di bawah Bahagian ini.

Cara menggunakan perkhidmatan elektronik

107. (1) Jika mana-mana orang telah memberi persetujuannya bagi apa-apa notis elektronik untuk disampaikan kepadanya melalui perkhidmatan elektronik, Ketua Pengarah atau mana-mana orang yang diberi kuasa olehnya boleh menyampaikan notis itu kepada orang itu dengan menghantar notis itu kepada akaun perkhidmatan elektronik orang itu sebagaimana yang ditetapkan olehnya.

(2) Jika suatu dokumen yang dikehendaki untuk dicap, ditandatangani atau dimeterai di bawah Akta difailkan, dikemukakan atau dihantar secara elektronik melalui perkhidmatan elektronik, kehendak bagi pengakusaksian cap, tandatangan atau meterai adalah tidak terpakai.

(3) Mana-mana orang yang diberi kuasa oleh seorang pengguna berdaftar boleh membuat dan menghantar apa-apa notis elektronik bagi pihak pengguna berdaftar itu melalui perkhidmatan elektronik.

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(4) Jika apa-apa notis elektronik dibuat dan dihantar bagi pihak mana-mana pengguna berdaftar di bawah subperaturan (3), ia hendaklah disifatkan telah dibuat dan dihantar dengan kuasa pengguna berdaftar itu dan pengguna berdaftar itu hendaklah disifatkan sebagai mempunyai pengetahuan tentang semua perkara di dalamnya.

(5) Jika suatu notis elektronik dihantar kepada Ketua Pengarah dengan menggunakan kod pengesahan yang diberikan kepada pengguna berdaftar—

(a) dengan atau tanpa kuasa pengguna berdaftar; dan

(b) sebelum pemberitahuan kepada Ketua Pengarah untuk pembatalan kod pengesahan,

notis itu hendaklah, bagi maksud Akta, dianggap telah dibuat oleh pengguna berdaftar itu melainkan dia boleh mengemukakan keterangan yang berlawanan.

(6) Jika suatu kesilapan dibuat dalam apa-apa notis elektronik oleh pengguna berdaftar di bawah peraturan ini, dia hendaklah membetulkannya melalui perkhidmatan elektronik dalam masa dan tertakluk kepada syarat sebagaimana yang dikenakan oleh Ketua Pengarah.

(7) Walau apa pun subperaturan (6), Ketua Pengarah boleh mengarahkan atau membenarkan seorang pengguna berdaftar untuk membetulkan apa-apa notis elektronik yang dibuat dan dihantar olehnya di bawah peraturan ini mengikut cara dan dalam masa sebagaimana yang dikehendaki oleh Ketua Pengarah.

(8) Ketua Pengarah boleh, bagi maksud perkhidmatan elektronik, meluluskan penggunaan apa-apa lambang, kod, singkatan atau tatatanda bagi mewakili apa-apa butir atau maklumat yang dikehendaki di bawah Akta.

(9) Jika suatu notis elektronik dibuat dan dihantar oleh pengguna berdaftar itu kepada Ketua Pengarah di bawah Akta yang tidak mematuhi apa-apa kehendak

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

Bahagian ini, Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai cukai barang dan perkhidmatan yang diberi kuasa olehnya, boleh menyampaikan suatu notis kepada pengguna berdaftar itu yang menunjukkan ketidakpatuhan kehendak itu, dan notis elektronik itu tidak boleh disifatkan telah dibuat dan dihantar kepada Ketua Pengarah oleh orang itu.

Penamatan penyediaan perkhidmatan elektronik kepada pengguna berdaftar

108. Ketua Pengarah boleh, pada bila-bila masa melalui notis kepada pengguna berdaftar, menamatkan penyediaan perkhidmatan elektronik kepada pengguna berdaftar itu jika dia—

(a) tidak mematuhi apa-apa terma dan syarat yang dikenakan oleh Ketua Pengarah;

(b) melanggar apa-apa peraturan dalam Bahagian ini; atau

(c) memberitahu Ketua Pengarah untuk membatalkan kod pengesahan dan akaun perkhidmatan eletronik yang diberikan kepadanya.

BAHAGIAN XX

EJEN CUKAI

Kelayakan bagi ejen cukai

109. (1) Seseorang adalah layak untuk membuat permohonan di bawah peraturan 110 jika dia memenuhi syarat yang berikut:

(a) dia mempunyai tempat tinggal biasanya di Malaysia

(b) dia telah memperoleh—

(i) apa-apa kelayakan yang disenaraikan di Bahagian I Jadual Pertama Akta Akauntan 1967 [*Akta 94*]; atau

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(ii) ijazah sarjana muda dalam ekonomi atau perniagaan daripada institusi pendidikan tinggi yang diiktiraf oleh Kerajaan;

(c) merupakan anggota kepada—

(i) apa-apa persatuan akauntan yang diiktiraf oleh Kerajaan sebagaimana yang disenaraikan di bawah Bahagian II Jadual Pertama kepada Akta Akauntan 1967; atau

(ii) apa-apa persatuan akauntan atau setiausaha syarikat yang diiktiraf oleh Kerajaan;

(d) dia telah menghadiri kursus cukai barang dan perkhidmatan yang diiktiraf oleh Kerajaan;

(e) dia telah lulus peperiksaan kursus cukai barang dan perkhidmatan yang dikendalikan oleh Ketua Pengarah;

(f) dia mempunyai lima tahun pengalaman praktikal secara berterusan dalam pengendalian cukai;

(g) dia telah lulus temuduga oleh panel yang dilantik oleh Menteri; dan

(h) dia bukan seorang bankrap.

(2) Menteri boleh mengetepikan apa-apa syarat di bawah subperaturan (1) jika difikirkannya patut.

(3) Perenggan (1)*(b)* and *(c)* tidak terpakai bagi mana-mana orang yang telah berkhidmat dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan memegang jawatan Penguasa atau apa-apa jawatan yang lebih tinggi.

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

Permohonan bagi kelulusan

110. (1) Seseorang yang layak memohon untuk menjadi ejen cukai sebagaimana yang dinyatakan dalam peraturan 109 boleh membuat permohonan kepada Menteri bagi kelulusan untuk bertindak sebagai ejen cukai di bawah seksyen 170 Akta bagi pihak mana-mana orang bagi apa-apa perkara di bawah Akta.

(2) Tiap-tiap permohonan bagi kelulusan di bawah subperaturan (1) hendaklah dibuat secara bertulis.

(3) Menteri boleh meluluskan dan mengenakan syarat sebagaimana yang difikirkannya patut atau menolak apa-apa permohonan yang dibuat di bawah subperaturan (1).

(4) Mana-mana orang yang telah diluluskan oleh Menteri di bawah subperaturan (1) hendaklah dengan serta-merta memberitahu Menteri apa-apa perubahan pada butir-butir atau alamat apa-apa tempat perniagaan.

(5) Suatu permohonan bagi pembaharuan kelulusan yang dikeluarkan di bawah subperaturan (1) hendaklah dibuat secara bertulis kepada Menteri empat bulan sebelum tarikh tamat kelulusan itu dan kelulusan itu boleh diperbaharui bagi tempoh dan atas syarat sebagaimana yang difikirkan patut oleh Menteri untuk dikenakan.

(6) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (4) melakukan suatu kesalahan**.**

Pembatalan kelulusan

111. Menteri boleh, pada bila-bila masa, melalui notis secara bertulis membatalkan suatu kelulusan yang telah diberikan di bawah peraturan 110, jika—

(a) dia berpuas hati bahawa ejen cukai diluluskan telah mengemukakan apa-apa perisytiharan dan maklumat yang palsu, mengelirukan atau tidak tepat dalam permohonannya;

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(b) dia berpuas hati bahawa ejen cukai diluluskan telah pada bila-bila masa terhenti daripada memenuhi apa-apa syarat bagi kelayakan di bawah peraturan 109;

(c) ejen cukai diluluskan tidak mematuhi apa-apa syarat yang dikenakan oleh Menteri;

(d) ejen cukai diluluskan membuat permohonan secara bertulis bagi pembatalan kelulusan itu;

(e) ejen cukai diluluskan meninggal dunia, menjadi bankrap atau tidak upaya; atau

(f) dia berpuas hati bahawa pembatalan itu adalah bagi perlindungan hasil.

BAHAGIAN XXI

PENTADBIRAN

Pejabat Cukai Barang dan Perkhidmatan

112. Lokasi Pejabat Cukai Barang dan Perkhidmatan bagi maksud cukai barang dan perkhidmatan adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Keempat.

Waktu pejabat dan waktu pembayaran

113. (1) Waktu biasa yang Pejabat Cukai Barang dan Perkhidmatan hendaklah dibuka bagi urusan cukai barang dan perkhidmatan adalah seperti yang berikut:

(a) di Negeri Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Perlis, Pulau Pinang, Selangor, Sarawak, Sabah dan Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan) jika hari kelepasan mingguan ialah Sabtu dan Ahad, waktu tersebut hendaklah dari 7.30 pagi hingga 5.30 petang pada hari Isnin hingga Jumaat; dan

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(b) di Negeri Johor, Kedah, Kelantan dan Terengganu, jika hari kelepasan mingguan ialah Jumaat dan Sabtu, waktu tersebut hendaklah dari 8.00 pagi hingga 5.00 petang pada hari Isnin hingga Khamis.

(2) Bagi maksud penerimaan penyata dan pembayaran cukai, penalti, surcaj dan wang lain yang kena dibayar di Pusat Pemprosesan CBP, waktu biasa hendaklah—

(a) jika melalui perkhidmatan elektronik, dari 7.30 pagi hingga 12.00 pagi pada mana-mana hari dalam minggu itu; dan

(b) selain daripada perkhidmatan elektronik, dari 7.30 pagi hingga 5.30 petang pada hari Isnin hingga Jumaat.

(3) Pejabat Cukai Barang dan Perkhidmatan ditutup—

(a) pada setiap hari kelepasan mingguan;

(b) pada setiap hari yang ditetapkan sebagai hari kelepasan am Persekutuan;

(c) pada setiap hari yang ditetapkan sebagai hari kelepasan am Negeri bagi Negeri atau hari kelepasan am Wilayah Persekutuan bagi Wilayah Persekutuan yang pejabat itu terletak:

Dengan syarat jika—

(i) mana-mana dua atau semua hari yang dinyatakan dalam perenggan *(a), (b)* dan *(c)* di atas, jatuh pada hari yang sama, pejabat itu akan ditutup pada hari berikutnya dan jika hari kemudian itu adalah hari yang telah dinyatakan dalam perenggan

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(a), (b) atau *(c)* di atas, pejabat itu ditutup pada hari yang berikutnya; dan

(ii) tarikh suatu hari kelepasan yang diisytiharkan di bawah Akta Hari Kelepasan 1951 [*Akta 369*] atau mana-mana undang-undang lain yang sedang berkuat kuasa yang berhubungan dengan perisytiharan hari kelepasan am adalah tertakluk kepada ubah suaian, tarikh hari kelepasan itu hendaklah, bagi maksud peraturan-peraturan ini, tidak tertakluk kepada ubah suaian itu.

BAHAGIAN XXII

PELBAGAI

Penalti am

114. Mana-mana orang yang melakukan suatu kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini, boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Pengkompaunan kesalahan

115. Apa-apa kesalahan di bawah Akta atau apa-apa peraturan yang dibuat di bawahnya kecuali bagi seksyen 6, 8, 92, 94 dan 113 ialah merupakan suatu kesalahan boleh kompaun bagi maksud seksyen 121 Akta.

Borang

116. Borang dalam Jadual Kelima adalah ditetapkan bagi kegunaan di bawah Akta dan Peraturan-Peraturan ini.

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

JADUAL PERTAMA

[Peraturan 51]

INSTITUT DILULUSKAN

(a) Tekun Nasional

(b) Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM)

(c) Majlis Amanah Rakyat (MARA)

(d) Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB)

(e) Perbadanan Nasional Berhad (PNS)

(f) Malaysia Building Society Berhad (MBSB)

(g) Sabah Credit Corporation

(h) Sabah Development Bank Berhad

(i) Borneo Development Corporation (Sabah) Sdn. Bhd.

(j) Borneo Development Corporation (Sarawak) Sdn. Bhd.

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

JADUAL KEDUA

[Peraturan 81]

LAPANGAN TERBANG MALAYSIA DI BAWAH SKIM BAYAR BALIK PELANCONG

(a) Lapangan Terbang Antarabangsa Senai, Johor

(b) Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu, Sabah

(c) Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching, Sarawak

(d) Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, Selangor

(e) Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2, Selangor

(f) Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang

(g) Lapangan Terbang Sultan Haji Ahmad Shah, Pahang

(h) Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang, Selangor

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

JADUAL KETIGA

[Peraturan 97]

PIHAK BERKUASA DI BAWAH SKIM KADAR RATA

(a) Jabatan Pertanian

(b) Jabatan Perikanan

(c) Jabatan Perkhidmatan Veterinar

(d) Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia

(e) Lembaga Minyak Sawit Malaysia

(f) Lembaga Getah Malaysia

(g) Lembaga Koko Malaysia

(h) Lembaga Lada Malaysia

(i) Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara

(j) Lembaga Pertubuhan Peladang

(k) Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu

(l) Lembaga Kemajuan Pertanian Muda

(m) Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia

(n) Jabatan Pertanian Negeri Sarawak

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(o) Lembaga Industri Getah Sabah

(p) Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Sabah

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

JADUAL KEEMPAT

[Peraturan 112]

PEJABAT-PEJABAT CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN DI MALAYSIA

Lokasi Pejabat	**Daerah yang Dikhidmati**
A. Perlis	Kangar
B. Kedah	
Alor Star	Kota Setar Kubang Pasu Padang Terap Pendang Yan
Langkawi	Pulau Langkawi dan semua pulau-pulau berhampiran yang terletak lebih hampir kepada Pulau Langkawi daripada tanah besar
Sungai Petani	Baling Kuala Muda Sik
Kulim	Bandar Baru Kulim
C. Pulau Pinang	
Seberang Jaya	Seberang Prai Utara Seberang Prai Tengah

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

	Seberang Prai Selatan
Georgetown	Pulau Pinang Barat Daya
	Pulau Pinang Timur Laut

D. Perak

Taiping	Kerian
	Kuala Kangsar
	Larut dan Matang
	Perak Hulu
	Selama
Ipoh	Kinta
Sitiawan	Manjong
	Perak Tengah
	Lumut
Teluk Intan	Batang Padang
	Perak Hilir
	Sabak Bernam

E. Selangor

Pelabuhan Barat	Pelabuhan Klang
	Klang
	Kuala Langat
	Kuala Selangor
Subang	Petaling (Majlis Bandaraya Shah Alam dan Majlis Perbandaran Subang Jaya)

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

F. Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	
Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur	Sepang Wilayah Persekutuan Putrajaya Gombak
Kelana Jaya	Petaling (kecuali Majlis Bandaraya Shah Alam dan Majlis Perbandaran Subang Jaya) Ulu Langat Ulu Selangor Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
G. Negeri Sembilan	
Seremban	Jelebu Jempol Kuala Pilah Rembau Seremban Tampin
Port Dickson	Port Dickson
H. Melaka	
Melaka	Alor Gajah Jasin Melaka Tengah

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

I. Johor

Muar	Muar
Kluang	Kluang Mersing
Johor Bahru	Johor Bahru
Segamat	Segamat Gemas
Pontian	Pontian
